

## BAB 111

### Pemikiran, Sikap dan Budaya Masyarakat Arau, Perlis.

#### 3.1 Pengenalan

Pemikiran merupakan asas kepada kemajuan dan perubahan sesuatu bangsa dan tamadun manusia. Peranan pemikir yang berada dalam sesuatu bangsa dan tamadun manusia itu tidak kurang pentingnya sebagai pelaksana dan pemikir. Pemikiran sentiasa berkembang mengikut kekuatan dan kelemahan para pemikirnya.

Perubahan pemikiran, sikap dan budaya adalah menjadi asas kemajuan sesuatu umat itu. Kemajuan dalam erti kata sebenarnya iaitu kemajuan insan itu sendiri. Pemikiran Islam adalah suatu yang merujuk kepada setiap hasil pemikiran umat Islam yang mencakupi pengetahuan yang berhubung dengan Allah swt, alam dan sesama manusia. Ia merupakan ijтиhad akal manusia dalam mentafsirkan pengetahuan umum menurut prinsip akidah, syariah dan akhlak Islam yang *syumul*.

Pemikiran masyarakat Arau ada kaitan dengan gerakan Islah Perlis yang dikuatkuasakan melalui Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis dan ada juga sebahagian masyarakat Arau dan Perlis masih lagi berpegang kepada sesuatu mazhab, khususnya mazhab Syafie. Penulis juga ada membawa pandangan

sarjana pemikiran Islam dan barat. Pemikiran barat berdasarkan kepada kekuatan akal semata-mata melalui pemikiran saintifik, maka lahirlah prinsip pemikiran empirikal, rasional, kreatif, objektiviti, kausaliti<sup>128</sup> dan Lateral yang menyebabkan dunia barat meletakan akal sebagai landasan dan dasar dalam mencari kebenaran serta kepalsuan sesuatu hakikat itu.

Penulis membawa ketiga-tiga bentuk pemikiran adalah untuk melihat sejauhmanakah pemikiran, sikap dan budaya yang dialami oleh masyarakat Arau dan Perlis amnya ada hubungkait dengan ketiga-tiga bentuk aliran itu walaupun Negeri Perlis terkenal dengan negeri yang mengamalkan pegangan Ahlu Sunnah Perlis (Islah).

### 3.2 Pengertian Pemikiran Dari Sudut Bahasa

Dalam *lisan Arab*, ‘fikru, fakru’ adalah kerja otak untuk memikir sesuatu. Manakala perkataan ‘tafkiru’ bererti membuat penelitian atau pemerhatian secara mendalam.<sup>129</sup> Dalam penggunaan kata falsafah dan ilmu Kalam, ianya bererti sesuatu yang berkaitan dengan kerja akal untuk berfikir.<sup>130</sup>

Samih Afifuz Zain dalam bukunya *Tarīq al-Imān* menyatakan bahawa berfikir itu membawa maksud daya atau kemampuan untuk menghukum sesuatu

<sup>128</sup> Abd. Rahman Hj. Abdullah(2001), *Falsafah dan kaedah Pemikiran*, Utusan Publication Sdn. Bhd., K. Lumpur, h. 30-38. Kausaliti ialah pemikiran yang berdasarkan kepada sebab dan akibat yang pasti dan tetap.

<sup>129</sup> Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Maqrām al-Afrīqī, *Op.Cit* , 3:204-205.

<sup>130</sup> L.. Gardet ( 1979 ), *The Encyclopaedia Of Islam*, New Edition, Leiden,Netherlands, 2:891.

perkara.<sup>131</sup> Al-Syikh Ahmad Ridā, memberi makna pemikiran itu ialah memberi pemerhatian secara teliti dengan menggunakan akal dan ia juga adalah suatu kerja akal.<sup>132</sup>

Pemikiran mengikut al-Marbawī, kata dasarnya diambil dari *fakara*, *yafkiru*, *fikran* yang bermakna memikir ia akan kerja, mengingat ia, memberi ingat ia. Perkataan *fikrun* dan kata jama'nya *aṣkār* bermaksud pemikiran, perasaan, kira-kira, pertimbangan, was-was di hati dan wasangka.<sup>133</sup> Ia juga membawa maksud kerja akal dalam mempertimbangkan sesuatu perkara.<sup>134</sup>

*Fikr* juga bermakna memikir, merenung, menggambar dan membayangkan secara mendalam yang mana dapat melahirkan intelektual dalam seni pemikiran. Dalam ilmu tasawuf, fikir dan berfikir itu biasanya diamalkan dalam zikir. Bagi orang-orang sufi, fikir itu adalah penempuan sepenuhnya zikir kepada agama. Bagi mereka pemikiran adalah suatu proses kepada idea atau suatu proses pembersihan yang dialami dari pengalamannya.<sup>135</sup>

Pemikiran adalah sains yang menghasilkan sesuatu ilmu (al-'Ilm al-yakin). Pemikiran logik memberikan justifikasi dan sistem klasifikasi kepada disiplin kesarjanaan dan saintifik. Ia mempengaruhi perbincangan para sarjana hadis dan ahli sejarah sebagai cara yang memungkinkan ke arah mendapat

<sup>131</sup> Samiḥ Afifuz Zain ( 1983 ) . *Tariq al-Imān* , Cet 9, Beirut, hal. 9.

<sup>132</sup> al- 'Alāmah al-Lughawī al-Syikh Ahmad Riḍā (1959) , *Mu'jam Matan al- Lughah* , Maktabah al-Ḥayah, Beirut, 4: 439.

<sup>133</sup> Muhammad Idris 'Abd Rauf al-Marbawī, *Op. Cit* , hal. 100.

<sup>134</sup> Fu'ad Ifrām al-Bustani (1956), *Munjid at-Tullāb*, Cet. 3, Beirut, hal. 559.

<sup>135</sup> L. Gardet (1979), *The Encyclopediad of Islam*, *Op.Cit*.

Menurut Kamus Dewan, perkataan pemikiran diambil dari kata dasar “fikir ” . Fikir bermakna ingatan, angan-angan, anggapan, pendapat, sangka dan kira-kira.<sup>137</sup> Berfikir bermakna, menggunakan akal atau mempertimbangkan dalam ingatan. Berfikiran dan memikir bermakna, berfikir mengenai sesuatu. Tetapi perkataan memikir lebih banyak menggunakan akal untuk menyelesaikan sesuatu, merenung dan mempertimbangkan dengan sewajarnya. Fikiran bermaksud daya berfikir, daya akal dan daya ingatan.

Berfikiran bermaksud mempunyai fikiran. Perkataan “pemikiran” bermaksud, perihal berfikir atau cara menyelesaikan sesuatu masalah dengan daya imiginasi bukan menggunakan logik atau cara-cara pemikiran yang biasa sehingga dapat menghasilkan pelbagai pendekatan yang kelihatan luar biasa tetapi amat berkesan.<sup>138</sup>

Dalam bahasa Inggeris, berfikir di sebut “think” yang membawa maksud;

1. Consider, be of opinion (memberi cadangan atau memberi pendapat )
2. Form conception (membentuk konsep )
3. Recongnize presense or existense (mengenali kewujudan atau kehadiran)

<sup>136</sup> Franz Rosenthal (1997), terj. Syed Muhammad Dawilah Syed Abdullah, *Kegungan Ilmu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, K. Lumpur, hal. 220.

<sup>137</sup> Kamus Dewan (1988), Edisi ke tiga, Dewan Bahasa dan Pustaka, K. Lumpur, hal. 351-352 .

<sup>138</sup> Kamus Dewan, *Ibid* , hal. 351-352 .

4. Execise of mind (latihan minda )<sup>139</sup>
5. Nothing of think ( dianggap tidak menarik )
6. Thing-tank ( kumpulan yang memberi idea atau nasihat tentang masalah negara dan komersil ).<sup>140</sup>

### 3.3 Pengertian Pemikiran Dari Sudut Istilah

Daya pemikiran yang dimiliki oleh manusia mempunyai beberapa unsur yang tersendiri. Unsur-unsur tersebut ialah pancaindera manusia yang terdiri daripada penglihatan, sentuhan, ciuman, pendengaran, perasaan dan juga otak manusia yang mempunyai kualiti untuk menyimpan maklumat-maklumat dan boleh membeza sesuatu perkara tersebut.<sup>141</sup> Beberapa golongan dari ahli falsafah berpendapat, semua gambaran yang difikirkan oleh akal fikiran manusia bukan semua maklumat itu diterima kebenarannya, kecuali pemikiran itu melalui pancaindera yang lima terlebih dahulu.<sup>142</sup> Pemikiran juga bermaksud gagasan dan idea. Fikiran dari perspektif Islam, sebagai respons intelektual kepada persoalan-persoalan manusia, alam, Tuhan dan kehidupan yang timbul daripada pertembungan Islam dengan peradaban asing.<sup>143</sup>

Berfikir juga bertujuan mencari makna. John Dewey mendefinisikan berfikir sebagai operasi yang menggunakan fakta-fakta yang sedia ada untuk

<sup>139</sup> Joyce M. Hawkins (2000), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, Edisi Kedua, Fajar Bakti, Sdn Bhd., K.Lumpur, hal. 50.

<sup>140</sup> *Ibid* , hal. 402.

<sup>141</sup> Samih Afifuz Zain, *Op Cit*.

<sup>142</sup> Muhammad Jawād Mughniyah (1967) , *al-Islām wa al-'Aql* , Cet.1, Darul Ilmi , Beirut, hal. 15.

<sup>143</sup> Mohammad Kamil Hj. Ab. Majid (Disember,1996), Skop, Sejarah dan Aliran Pemikiran Islam, *Jurnal Usuluddin*, bil.5, API (Akademi Pengajian Islam), U. Malaya, K. Lumpur, hal. 113.

mencadangkan fakta-fakta yang lain supaya fakta baru dapat dipercayai berdasarkan fakta yang sedia ada.<sup>144</sup> Beyer mendefinisikan berfikir sebagai manipulasi input deria dan persepsi yang diingat kembali secara mental untuk membentuk pemikiran, sebab, dan keputusan.<sup>145</sup>

Menurut ahli saikologi, pemikiran adalah proses kesedaran dan perasaan yang berlaku dalam diri seseorang yang bersungguh-sungguh mencari jawaban untuk menyelesaikan sesuatu persoalan atau makna supaya tercapai apa yang diingini.<sup>146</sup> Pemikiran juga adalah sebagai simbul yang di dalamnya terdapat kesamaan dengan proses pengenalan terhadap sesuatu.<sup>147</sup>

Menurut pandangan Dr. Abd. Rahman Hj. Abdullah, pemikiran Islam ialah pemikiran yang pada dasarnya berkisar kepada masalah asas dalam epistemologi, iaitu tentang sumber wahyu dan akal yang terus menerus diperdebatkan, sehingga timbul berbagai aliran dan mazhab dalam pemikiran Islam.<sup>148</sup> Pemikiran Islam mesti di dasarkan ilmu yang benar, cara yang jelas untuk menghasilkan pembuktian melalui pengalaman atau uji kaji atau kedua-duanya. Ianya juga bertujuan untuk mempertahankan agama Allah swt.<sup>149</sup> Islam menyatakan kesatuan fikiran manusia terletak di antara iman dan ilmu. Islam juga adalah agama yang menyeru manusia kepada ilmu, kerana ilmu ada kaitan

<sup>144</sup> Poh Swee Hiang (1997), *Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif*. Kumpulan Budiman, Sdn Bhd., K. Lumpur, hal. 1.

<sup>145</sup> *Ibid.*

<sup>146</sup> Robert P. Gwim (1985), *Encyclopedie Britannica*, Chicago, U.S.A. 28:641-642.

<sup>147</sup> *Ibid.*

<sup>148</sup> Abd Rahman Hj. Abdullah, Dr.(2001) , *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*, Utusan Publications Sdn. Bhd., K. Lumpur, hal. 66.

<sup>149</sup> Hamudah 'Abd al-'Ati (1986), *Islam in Focus*, I.I.F.S.O., Riyadh, hal. 119-120.

dengan agama dan akidah.<sup>150</sup>

Menurut Dr. Yusof al-Qaradawī, pemikiran Islam ialah pemikiran secara benar dari sumber-sumber aslinya, bukan dari sumber-sumber pinggiran, saduran, tiruan, atau pemalsuan yang sering tidak tepat dan sengaja diselewangkan.<sup>151</sup>

Menurut Muṣṭafa ‘Abd. Raziq (Mesir) pemakaian kata-kata hikmat dan ḥakīm dalam bahasa Arab membawa erti falsafah dan failosuf. Asal makna hikmat ialah tali kendali (bagi kuda untuk mengekang keliarannya). Hikmat juga bererti pengetahuan atau kebijaksanaan, kerana hikmat itu menghalangi orang yang memilikinya dari melakukan perbuatan yang hina. Hikmat dapat dicapai oleh manusia melalui kemampuan daya fikir dengan menggunakan metod-metod berfikir yang betul. Kedatangan hikmat bukan hanya melalui penglihatan mata kepala, tetapi juga melalui mata hati dan fikiran yang tertuju kepada kebesaran Allah swt yang ada di alam ini.<sup>152</sup> Fungsi pancaindera dan otak yang dianugerahkan Tuhan kepada manusia adalah untuk mengetahui dan memahami sesuatu perkara sebagaimana dijelaskan oleh Allah swt :

وَلَا تَقْرُفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ الْسَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْقُوَادَ كُلُّ أُولَئِكَ  
كَانَ عَنْهُ مَسْتُوْلًا

<sup>150</sup> Abd al-‘Aziz Kamil, Dr., (1972), *al-Islam wa al-‘Asar*, Dār al-Ma’ārif, Misr, hal. 61.

<sup>151</sup> Yusof al-Qaradawī, Prof. Dr.(1996), terj. Ahmad Nuryadi Asmawi, *Wawasan Islam Antara Keaslian dan Kemodenan*, Thinker’s Librari Sdn. Bhd., Selangor, hal. 49.

<sup>152</sup> Hasan Muarif Ambary, Prof. Dr.(1993), *Ensiklopedia Islam*, P.T Intermasa, Jakarta, hal. 15.

Maksudnya :

*“Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya ”.*

Surah al-Isrā’(17):36.

Dalam konteks berfikir ini, Islam telah menyatakan secara umum bahawa hatilah tempat punca asal bagi pemikiran manusia bermula. Ini telah dinyatakan oleh Allah swt dalam al-Qur’ān :

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ إِذَا  
يَسْمَعُونَ بِهَا فَإِنَّهَا لَا تَعْمَلُ الْأَبْصَارُ وَلَكِنْ تَعْمَلُ الْقُلُوبُ الَّتِي فِي  
**الْأَصْدُورِ**

Maksudnya :

*“Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya (dengan melihat kesan-kesan tersebut), mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar ? (tetapi kalau mereka mengembara pun tidak juga berguna), kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada ”.*

Surah al-Haj (22): 46.

Jadi fungsi otak itu bukanlah sebagai intelektual yang melahirkan pemikiran dan bukan pula sebagai tempat daya ingatan, malah otak hanyalah

sebagai sentralisasi (pemusatkan) bagi media komunikasi yang dapat menyampaikan kata-kata yang lahir dari jiwa atau hatinya. Sebenarnya daya pemikiran itu berada di dalam roh, yang bukan merupakan sebahagian dari anggota lahiriah. Otak manusia sebenarnya merupakan alat untuk mengalihkan dan menghasilkan fikiran-fikiran sehingga dapat melahirkan kata-kata yang dapat diucapkan dan didengar di dunia h̄issi.<sup>153</sup>

Pemikiran merupakan suatu buah, buah yang mahal sekali, di mana sumbernya terdapat dalam akal, dalam kalbu, dalam jiwa, dalam roh dan dalam batin seseorang. Pemikiran merupakan hasil atau buah dari daya usaha tanggapan, andaian dan penelitian atau taakulan seseorang. Jika terdapat beberapa perbezaan tentang pemikiran, maka ia lebih ditekankan pada warna dan rasa dari buah itu. Kalau buah pemikirannya (gagasan) itu lebih menekankan kepada penyelidikan atau pemerhatian akal, maka penggunaan akal menjadi keutamaan. Jika buahnya berupa syahwat, naluri, maka ia lebih ditekan kepada dorongan nafsu. Jika buahnya berupa kerinduan dan keagungan, maka ia dikaitkan pada peranan akal dan roh.<sup>154</sup>

Al-Qur'ān banyak kali membuat seruan dan selalu menggesa umat manusia supaya menggunakan akal supaya berfikir, mengadakan kajian, penelitian dan perbaasan ilmiah dengan menggunakan akal dalam mencari kebenaran. Al-Qur'ān telah menyebut perkataan *Ta'kilūn* sebanyak 24 kali, perkataan *Na'kilu* satu kali, perkataan *Ya'kiluha* satu kali, perkataan *Akaluhu*

<sup>153</sup> Mustafa Muhammad (1988), *Perjalanan Dari Keraguan Menuju Iman*, Cet. 1, Dar al Fikir, K. Lumpur, hal. 6-12.

<sup>154</sup> Ali Gharisah, Prof. Dr. (1989), Terj. Hj. Salim Basyarahil, *Metod Pemikiran Islam*, Gema Insan, Jakarta, hal. 15-16.

sekali dan perkataan *Ya'kilūn* sebanyak 22 kali.<sup>155</sup> Ini menggambarkan bahawa Islam amat menggalakkan manusia selalu menggunakan akal fikiran untuk mencari kebenaran dan beriman kepada Tuhan yang mencipta alam ini sama ada manusia berfikir tentang sesuatu yang nampak dilihat atau sebaliknya. Di sini penulis, memperturunkan beberapa ayat-ayat yang menggalakkan manusia menggunakan akal dan berfikir. Antara lain firman Allah dalam al-Qur'an yang maksudnya :

- i. “ ...*Sebenarnya yang menaruh takut dan bimbang melanggar perintah Allāh dari kalangan hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu* ”.

Surah al-Fātir (22): 28.

- ii. “ *Katakanlah: “ Mengembaralah kamu di atas muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allāh telah memulakan ciptaan makhluk-makhluk dari asal jadinya... ” .*

Surah al-Ankabūt (20):20.

- iii. “ *Patutkah mereka ingkar dan tidak mahu memikirkan dengan fikiran yang siuman bahawa sahabat mereka Nabi Muḥammad tidak sekali-kali mengidap penyakit gila sebagaimana yang mereka tuduh itu ... ” .*

Surah al-'Arāf (9):184.

- iv. “ *Patutkah mereka membuatkan mata tidak mahu memperhatikan 'alam langit dan bumi dan segala diciptakan oleh Allāh, dan memikirkan bahawa harus telah dekat ajal kebinasaan mereka ... ” .*

Surah al-'Arāf (9):185.

---

<sup>155</sup> Muhammad Fu'ad al-Bāqī (1996), *al-Mu'jam al-Mufahras li al-Fāzī al-Qur'an al-Karim*, Dar al-Hadis, Qāhirah, hal. 575.

- v. “ Katakanlah Wahai Muhammad: “Perhatikan dan fikirkanlah apa yang ada di langit dan di bumi dari segala yang mena’jubkan, yang membuktikan keesaan Allāh dan kekuasaannya ... ”.

Surah Yūnus (11):101.

- vi. “ Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pada pertukaran malam dan siang dan pada kapal-kapal yang berlayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia, demikian juga pada air hujan yang Allāh turunkan dari langit lalu Allāh hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta ia biakkan padanya dari berbagai-bagi jenis binatang, demikian juga pada peredaran angin dan awan yang tunduk kepada kekuasaan Allāh terapung-apung di antara langit dan bumi, sesungguhnya pada semuanya itu ada tanda-tanda yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allāh bagi kaum yang mau menggunakan akal fikiran ”.

Surah al-Baqarah (2):164.

Pemikiran Islam adalah idea daya fikir yang merujuk kepada setiap hasil pemikiran umat Islam yang mencakupi hubungan manusia dengan Allāh swt sebagai pencipta, hubungan manusia dengan manusia lain dan hubungan manusia dengan alam. Ia adalah ijтиhad akal manusia dalam mentafsirkan pengetahuan umum menurut prinsip akidah, syariah dan akhlak Islam.

Dengan ini, meskipun sesuatu pemikiran itu terbit dari orang Islam tetapi bukan bersumberkan kefahaman kepada al-Qur’ān dan Sunnah tidak boleh dianggap pemikiran Islam. Amat tidak munasabah dan logik memberi

pengiktirafan dan gelaran kepada pemikir yang memberi dan menilai sifat Islam yang berdasarkan kepada sumber yang asing dari sumber-sumber Islam.<sup>156</sup>

Tetapi haruslah ada perbezaan antara agama yang berupa wahyu Ilahi dengan pemikiran Islam. Kecelaruan dalam membezakan di antara keduanya (agama dan pemikiran Islam) mengakibatkan ada golongan yang meletakkan taraf pemikiran pemikir Islam maksum kepada taraf agama, maka langsung tidak ada orang atau pemikir berani menganalisis apa lagi mengkritik pendapat dan pemikiran para ulama' silam.<sup>157</sup> Walau pun Islam membenar umatnya mengkritik pandangan orang lain, tetapi kritikan itu mesti di dasarkan kepada fakta, ilmu dan adab-adab berbeza pendapat dalam Islam.

### **3.4 Pemikiran, Sikap dan Budaya Masyarakat Arau**

#### **3.4.1 Pengenalan**

Golongan Ahlu Sunnah (Islah) Perlis dikatakan sebagai kumpulan orang Islam yang berpegang kepada al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah saw, pendapat para sahabat, pendapat para ulama' *salafus al-salih* serta ulama' terkemudian seperti Ibn Taimiyyah, Muhammad Ibn Abdul al-Wahab dan lain-lain di mana mereka tidak bertaklid dan tidak terikat kepada mana-mazhab tertentu.

Ustaz Othman bin Muhammad merupakan salah seorang Ahli Sunnah Perlis sewaktu membentang konsep Ahli Sunnah Perlis kepada pegawai-pegawai

<sup>156</sup> Muhsin 'Abd. Hamid, Dr. (1986), *al-Fikr al-Islami*, Dār al-Ilmi, Baghdad, hal . 7.

<sup>157</sup> Mohammad Kamil Hj. Ab. Majid (2000), *Tajdid Perspektif Sejarah dan Masa Kini*, Universiti Malaya, K. Lumpur, hal. 122 .

masjid pada tahun 1988 beliau ada menyebut perkara di atas, katanya :

*“ Ahli Sunnah ialah suatu kumpulan atau golongan orang Islam yang berpegang kepada ajaran al-Qur’ān dan Sunnah seperti mana amalan yang dilakukan oleh para sahabat dan tabiin tanpa melakukan bid’ah ”.<sup>158</sup>*

Dalam buku kecil keluaran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis ada menjelaskan maksud Ahlu Sunnah Wal Jama’ah dengan panjang lebar, katanya :

*“ Ahlu Sunnah Wal-Jama’ah ialah kumpulan orang Islam yang berpegang kepada al-Qur’ān , Sunnah Rasulullah saw dan pendapat para sahabat. Majlis (Agama) tidak terikat kepada mana-mana satu mazhab tertentu. Di dalam mazhab mana pun yang jelas dan nyata pendapat mereka itu dari kitab Allah (al-Qur’ān) atau Sunnah RasulNya atau jama’ah sahabat , kami berpegang dengannya. Adapun mazhab-mazhab seperti Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali pada pandangan rasmi Majlis adalah terhitung di dalam mazhab-mazhab yang muktabar yang tergolong dalam istilah Ahlu Sunnah Wal Jama’ah. Majlis Agama Islam Perlis memang berpandu kepada mazhab-mazhab itu dan mengambil pendapat-pendapat mereka yang ada alasan daripada al-Qur’ān, Sunnah dan Jama’ah sahabat Rasulullah saw ”.<sup>159</sup>*

### 3.4.2 Gerakan Ahlu Sunnah (Islah) di Perlis

#### 1. Peringkat Pembentukan

Sebelum kemunculan gerakan Islah di Perlis terlebih dahulu berkembang aliran mazhabiyah, iaitu mazhab Syafie baik dari segi akidah maupun syariatnya. Sebenarnya fenomena ini bukan hanya berlaku di Perlis, bahkan ia

<sup>158</sup> Othman bin Muhammad (1988), *Konsep Ahlu Sunnah wal-Jama’ah*, Kertas kerja di bentang dalam kursus pegawai-pegawai masjid Negeri Perlis, h. 4.

<sup>159</sup> Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, *Keputusan Fatwa Mengenai Ahlu Sunnah Wal-Jama’ah*, h. 1-2.

merupakan fenomena umum yang berlaku merata di seluruh Nusantara pada zaman tradisi. Ertinya aliran Syafieyah pada hakikatnya adalah merupakan aliran tradisional di Nusantara. Di Perlis sendiri berpengaruhnya aliran Syafieyah ini ada hubungannya dengan faktor kepimpinan, iaitu kerana tokoh-tokoh pembesarnya yang berasal dari keturunan Syed Hadramaut itu memang terkenal sebagai pendukung mazhab Syafie yang setia.<sup>160</sup> Ia bermula dari zaman Kadi Besar Perlis yang pertama, iaitu Syed Muhammad al-Haddad dan diikuti oleh Hj. Muhammad bin Abd. Latif dan Hj. Muhammad Noor bin Hj. Muhammad, pimpinan agama adalah dipegang oleh tokoh-tokoh yang beraliran Syafieyah.

Bagaimanapun fenomena ini tidak kekal lama apabila sekitar tahun 1920-an munculnya gerakan pembaharuan agama oleh tokoh-tokoh aliran *La-Mazhabiyah*, sebagai reaksi terhadap aliran mazhabiyah yang berpengaruh sejak lama itu. Jika aliran mazhabiyah dikatakan cuma merujuk kepada aliran mazhab Syafie sahaja, sebaliknya tokoh-tokoh aliran *La-Mazhabiyah* ini menyeru agar berpegang kepada al-Qur'an dan Sunnah sahaja. Tokoh yang mempelopori gerakan kembali kepada al-Qur'an dan Sunnah semata-mata itu ialah Lebai Kecik dari Indonesia.<sup>161</sup> Dr. Harun Din dalam kajiananya menyebut bahawa tokoh yang pertama melahirkan aliran Ahlu Sunnah di Perlis ialah Syeikh Hassan berasal dari Arab Saudi. Beliau datang ke Perlis pada tahun 1345 H bersamaan 1927 M.<sup>162</sup>

<sup>160</sup> Mahayudin Hj. Yahaya (1984), *Sejarah Orang Syed di Pahang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, K. Lumpur, h. 4 dan 7.

<sup>161</sup> Lihat Program *Ijtima' al-Sunnah*, anjuran al-Islah Perlis, 9-10 Februari, 1986 ( 30 Jamadil Awal – 1 Jamadil Akhir 1406 H), di Masjid Alwi, Kangar.

<sup>162</sup> Harun bin Din, Dr. (t.t), *Sejauhmanakah Perbezaan Amalan Keislaman yang terdapat di Negeri Perlis yang tidak Bermazhab*, Kajian ilmiah ( tidak dicetak), Jabatan Syariah, UKM, Bangi, Sel., h. 6.

Selepas itu diikuti pula peranan Syed Ibrahim yang berasal dari Hadramaut. Pada peringkat awal ini juga terdapat seorang anak tempatan Perlis yang lahir dan terdidik di Mekah iaitu Hj. Ahmad bin Hj. Muhammad, seorang Hakim Besar Negeri yang lebih terkenal dengan nama Hj. Ahmad Hakim. Jasa beliau yang terpenting di peringkat awal ini ialah menyelaraskan cara pengutipan zakat dan fitrah dengan teratur.<sup>163</sup> Selain tokoh Hj. Ahmad Hakim, dua orang tokoh tempatan yang berperanan dalam menyebar dan memperkuatkan lagi ajaran Ahlu Sunnah Perlis ialah Wan Ahmad bin Wan Daud dan Syeikh Ahmad bin Mohd Hashim. Sebenarnya mereka bertiga di Perlis lebih terkenal dengan nama julukan ‘Tiga Mat’.<sup>164</sup>

Satu lagi tokoh yang dianggap paling popular bagi gerakan Islah atau Ahlu Sunnah Perlis ialah Syeikh Abu Bakar al-Ashaari, bekas penutut Universiti al-Azhar sepanjang tahun 1925-1932. Suatu hakikat yang perlu ditekan di sini ialah bahawa jangkamasa pengajian beliau di Mesir merupakan zaman-zaman akhir bagi Muhammad Rashid Riḍā (1865-9132M), iaitu tokoh islah yang terulung di Mesir pada masa itu. Sekembalinya ke Pulau Pinang, beliau mengajar disamping menjadi penolong pengarang di dalam akhbar *Bahtera* dan *Saudar*. Kedua-duanya diterbitkan di Pulau Pinang. Beliau juga menulis dalam majalah *al-Qalam*, yang berpusat di Singapura, sebuah majalah yang beraliran pembaharuan.<sup>165</sup> Atas inisiatif ‘Tiga Mat’ tersebut Syeikh Abu bakar dibawa ke

<sup>163</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah ( 1989), *Gerakan Islah Di Perlis Sejarah dan Pemikiran*, Pena Sdn. Bhd., K. Lumpur. h.22.

<sup>164</sup> *Ibid.*

<sup>165</sup> Mohd Radzi Othman dan O.K. Rahmat ( 1996), *Gerakan Pembaharuan Islam: Satu Kajian di Negeri Perlis dan Hubung Kaitnya dengan Malaysia*, USM. P. Pinang. h.100.

Perlis pada tahun 1936 M. Pada mulanya beliau bertugas di Madrasah Alwiyah, tetapi memandangkan peranannya di situ agak terhad lalu beliau ditukarkan bertugas sebagai Imam Besar Negeri ( Masjid Alwi). Melalui khutbah-khutbah Juma'at, suaranya semakin nyaring menyeru umat Islam berpegang kepada al-Qur'an dan Sunnah.<sup>166</sup>

## 2. Peringkat Kebekuan

Akibat pendudukan Jepun di Tanah Melayu Disember 1941, gerakan Islah di Perlis pun turut terancam dan mengalami kebekuan. Zaman kebekuan ini ada hubungkait dengan suasana politik dan pemerintahan di Perlis menjelang ketibaan Jepun. Raja Perlis sebelum kedatangan Jepun ialah Raja Syed Alwi Jamalullail yang juga bertindak sebagai Presiden Majlis Negeri. Jawatan Naib Presiden dipegang oleh Syed Hamzah adiknya sendiri. Jadi pada zahirnya Syed Hamzah merupakan tokoh yang kedua selepas Raja Alwi dari segi taraf dirajanya. Tetapi ketika diadakan perlantikan bakal diraja, yang terpilih ialah Syed Hassan iaitu anak saudara raja Syed Alwi yang bertugas sebagai seorang Majisteret di bawah Hj. Ahmad Hakim.

Sebelum Jepun memasuki Negeri Perlis, Penasihat Inggeris telah membawa keluar Raja Syed Alwi berlindung diri ke Ulu Kuala Kangsar serta menyerahkan pemerintahan negeri kepada Syeikh Ahmad Mohd Hashim dan dua orang pembesar yang lain. Apabila Raja Syed Alwi mangkat pada 2hb. Februari, tahun 1943, maka Jepun terus melantik Syed Hamzah menjadi Raja Perlis.<sup>167</sup> Di

---

<sup>166</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Op.Cit.*, h. 23.

<sup>167</sup> *Ibid.*, h. 25.

antara tokoh-tokoh pembesar Perlis yang termasuk dalam senarai musuh kepada Raja Syed Hamzah ialah Hj. Ahmad bin Muhammad yang hidupnya pada zaman Jepun bermiaga secara kecil-kecilan dan menternak lembu. Wan Ahmad Wan Daud pula dikatakan bermiaga lembu secara pawah serta mengisar padi. Syeikh Abu Bakar al-Ashaari terpaksa berhijrah ke Kedah dan bermiaga di Pekan Rabu, Alor Setar. Kesemua tokoh-tokoh itu bukan sahaja merupakan orang-orang penting dalam pentadbiran negeri, malah juga merupakan tokoh-tokoh islah yang ulung di Perlis.

### **3. Peringkat Pemulihan dan Sekarang**

Sewaktu Inggeris kembali semula menjajah Tanah Melayu pada tahun 1945 M, Raja Syed Hamzah melarikan dirinya ke Setol, kemudian ke Pulau Pinang dan mangkat di Alor Setar. Pihak Inggeris telah menjemput Syed Putra yang ketika itu berada di Kelantan supaya kembali ke Perlis dan diangkat menjadi Raja Perlis. Dengan perlantikan Raja Syed Putra menjadi Raja Perlis, gerakan Islah mulai pulih dan semakin mantap kedudukannya dari zaman sebelum kedatangan Jepun.

Beberapa faktor yang saling membantu telah mewujudkan suasana kemantapan ini. Antaranya sokongan orang melayu majoriti kepada UMNO, termasuk tokoh-tokoh dari Negeri Perlis.<sup>168</sup> Perlantikan semula tokoh-tokoh utama Islah Perlis dalam bidang kepimpinan dan pentadbiran negeri. Misalnya tokoh-tokoh ‘ Tiga Mat ’ iaitu, Hj. Ahmad Hakim, Wan Ahmad Wan Daud dan Syeikh Ahmad Mohd Hashim telah dilantik sebagai Ahli Majlis Negeri. Dengan

---

<sup>168</sup> *Ibid.*, h. 27.

kedudukan tokoh-tokoh gerakan Islah memimpin pentadbiran kerajaan dan juga hal ehwal Agama Islam, maka mudahlah dilaksanakan program pembaharuan agama di Perlis. Faktor terakhir ialah ketokohan Syeikh Abu Bakar al-Ashaari sendiri. Beliau dipanggil pulang oleh Hj. Ahmad Hakim sendiri untuk memegang jawatan lamanya sebagai Imam Besar Masjid Alwiyah Kangar. Beliau merupakan tokoh yang berpendidikan agama yang tinggi dan merupakan tempat rujukan bagi setiap masalah yang berbangkit. Beliau merupakan tokoh Islah yang liberal dalam pendapatnya, bersikap tegas dan tabah dalam perjuangannya.<sup>169</sup>

Pada 26hb. Mac 1959 terkanunnya ideologi Islah di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis, iaitu Perkara 17 yang menetapkan bahawa seseorang Raja yang akan dilantik hendaklah beragama Islam yang beraliran *Ahlu Sunnah wal-Jama'ah*. Demikian juga untuk melantik seorang Pemangku Raja atau Jama'ah Pemangku Raja haruslah juga yang beraliran *Ahlu Sunnah wal-Jama'ah* (Perkara 3:1).<sup>170</sup> Dalam Perkara 27, syarat seseorang waris diraja itu hendaklah juga beraliran “Ahlu Sunnah wal-Jamaah”.<sup>171</sup>

Tokoh-tokoh yang menandatangani Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis pada tahun 1959 itu ialah Syed Hussain bin Syed Zain Jamalullail (wakil Raja), Dato’ Laksamana Hj. Mohd Razalli bin Hj. Ali Wasi (Menteri Besar), Hj. Ahmad bin Hj. Mohammad (Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis), Wan Ahmad bin Wan Daud (Ahli Majlis Negeri), Syeikh

<sup>169</sup> *Ibid.*, h. 29.

<sup>170</sup> Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis, 1381/ 1962. Lihat Lampiran 5.

<sup>171</sup> *Ibid.* Lihat Lampiran 5.

Ahmad bin Mohd Hashim (Ahli Majlis Negeri).<sup>172</sup> Aliran Islah Perlis berkembang dengan baik, Istana menerima dengan baik dan mereka menguasai Majlis Agama Negeri. Majoriti kerusi di dalam jawatankuasa Syariah Negeri mereka kuasai. Majoriti imam-imam masjid di Perlis juga dari golongan Islah (Ahlu Sunnah).<sup>173</sup>

Menurut takrif yang terpakai dan difahami di Perlis, maksud *Ahlu Sunnah wal-Jama'ah* itu ialah aliran yang hanya berpegang kepada al-Qur'an dan Sunnah sahaja, bukan kepada mazhab-mazhab tertentu. Dalam istilah tasyri' aliran ini terkenal dengan nama gelaran *al-La Mazhabiyah*, yakni tidak menganut atau berpegang kepada sesuatu mazhab bahkan ada kalanya menolak terus pegangan bermazhab.<sup>174</sup>

Pada tahun 1963 terdapat satu peruntukan dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perlis yang menegaskan :

"The Majlis When issuing a fatwa and the Shari'ah Comitee when giving its opinion under sub-section (2) shall follow the al-Qur'an and or Sunnah Rasulal Allah saw".<sup>175</sup>

Seterusnya pada tahun 1964 Syeikh Ahmad mengarahkan Tungku Mokhtar bin Tungku Yaakub, iaitu Penasihat Undang-Undang Negeri membuat draf mewartakan *Ahlu Sunnah wal-Jama'ah* sebagai aliran pegangan di Negeri Perlis. Demikianlah dalam Undang-Undang Negeri Perlis Perkara 5 (1) tercatat :

<sup>172</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Op.Cit.*, h. 36-37.

<sup>173</sup> Mohd Radzi Othman, O.K Rahmat, *Op.Cit.*, h. 97.

<sup>174</sup> Lihat Lampiran 6.

<sup>175</sup> Otman Hj. Ishak (1981), *Fatwa dalam Perundangan Islam*, Fajar Bakti Sdn. Bhd., K. Lumpur, h. 45.

“ Agama bagi Negeri ialah Agama Islam Ahlu Sunnah wal-Jama’ah seperti telah diamalkan di dalam Negeri ”.<sup>176</sup>

Gerakan Ahlu Sunnah Perlis yang bergerak persatuan *al-Islah* berpusat di kampung Kersek, Mata Ayer, mempunyai keahlian yang agak ramai dan perkembangan terkini bahawa gerakan Islah Perlis telah memiliki sebuah markas baru yang siap dibina terletak di jalan Mata Ayer, Kangar Perlis.<sup>177</sup>

#### **2.4.3 Pemikiran, Sikap dan Budaya Masyarakat Arau.**

Dalam perbincangan lalu, telah sedikit sebanyak menyentuh secara tidak langsung tentang corak pemikiran, sikap dan budaya Islah Perlis. Bagaimanapun untuk mendapat gambaran sebenar tentang ciri-ciri pemikirannya, berikut penulis akan membahaskan tentang tujuh aspek pemikiran yang menjadi tumpuan utama mereka, iaitu : kembali kepada al-Qur’ān, menolak taklid kepada mazhab, tumpuan tauhid kepada aliran Salafiyah, cara bertawasul, menolak tasawuf dan tarikat, memerangi perkara syirik, khurafat dan bid’ah serta perkara-perkara ibadah.<sup>178</sup> Pegangan dan pendirian mereka dalam ketujuh-tujuh aspek ini, menjadikan mereka berbeza daripada umat Islam lain di Malaysia.

##### **1. Kembali kepada al-Qu’ān dan Sunnah**

Seruan kembali kepada al-Qur’ān dan Sunnah adalah satu agenda yang

<sup>176</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Op.Cit.*, h. 37-38.

<sup>177</sup> Zakaria @ Mahmood bin Daud (1997), *Muhammad Ibn Abd. Al-Wahhab dan Pengaruhnya Terhadap Ajaran Ahli Sunnah wal-Jama’ah Di Perlis*, TESIS PhD, U. Malaya, K. Lumpur, h. 418.

<sup>178</sup> *Ibid.*, h. 421-444.

terpenting dalam gerakan Ahlu Sunnah Perlis, bahkan ia merupakan satu slogan yang selalu digunakan dan disebut-sebut. Kedua-dua perkara ini juga menjadi dasar Persatuan Islah Perlis.<sup>179</sup>

Ustaz Othman bin Muhammad salah seorang tokoh Ahlu Sunnah Perlis sewaktu membentang kertas kerjanya pada tahun 1988 menjelaskan sikap Ahlu Sunnah Perlis terhadap al-Qur'an dan Sunnah. Katanya :

*"Ahlu Sunnah ialah satu kumpulan atau golongan yang berpegang kepada ajaran al-Qur'an dan Sunnah sepetimana amalan yang dilakukan oleh para sahabat dan tabiin tanpa melakukan bid'ah".<sup>180</sup>*

Manakala dalam pentadbiran Undang-Undang Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis tahun 1964 perkara 7(4), bab fatwa memperuntukkan fasal tersebut supaya maslis fatwa yang mengeluarkan fatwa mesti berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah Rasul, bukan kepada pendapat imam-imam mazhab yang ada. Peruntukan itu menyebut :

*"Tatakalah majlis mengeluarkan satu fatwa dan jawatankuasa Syariah memberi pendapatnya di bawah ceraian (2), maka hendaklah badan itu mengikut al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah saw".<sup>181</sup>*

## 2. Menolak Taklid Kepada Mazhab

Ahlu Sunnah Perlis mengajak kepada berpegang kepada al-Qur'an dan Sunnah, mereka menolak fahaman *bertaklid* kepada mana-mana mazhab fekah, walaupun mazhab itu mazhab Ahlu Sunnah wal-Jama'ah seperti mazhab Syafie

<sup>179</sup> Perlembagaan Persatuan al-Islah Negeri Perlis, t.t., h. 1. Lihat Lampiran 7.

<sup>180</sup> Othman bin Muhammad, *Op.Cit.*, h. 4.

<sup>181</sup> Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 1964, h. 5.

yang menjadi ikutan ramai umat Islam di Malaysia, atau mazhab Maliki, Hanafi dan Hanbali. Tokoh-tokoh Ahlu Sunnah Perlis selalu menyebut mereka menolak *taklid*, tetapi mereka tidak menegah masyarakat Perlis untuk *ittiba'* kepada mana-mana mazhab empat.<sup>182</sup>

### 3. Tumpuan Kepada Tauhid Aliran Salafiyah

Dari segi urutan keutamaan akidah menduduki tempat yang terpenting dan paling asasi dalam Islam. Kerana itulah dalam perjuangan islah dan tajdid, soal ini menjadi tumpuan yang utama dan istimewa. Jika dilihat pada gerakan islah yang diperjuangkan oleh Ibn Taimiyah dan Muḥammad ‘Abd. Wahhāb, masalah ini dihuraikan secara panjang lebar dan mendalam sehingga jelas arah tuju perjuangan mereka sebenar. Islah Perlis agak sukar ditemui konsep dan pegangan mereka yang jelas tentang soal akidah ini, kerana kekurangan buku-buku, karya atau tulisan-tulisan yang dapat memaparkan secara terperinci tentang pemikiran mereka. Golongan Islah Perlis berpegang kepada aliran Salafiyah seperti yang diajar oleh Ibn Taimiyah, Ibn al-Qaiyyim dan Muḥammad Abd. Wahhāb. Manakala orang-orang awam di Perlis menggunakan buku yang dikarang oleh A.Hassan Bandung, yang bertajuk *Kitab al-Tauhid* yang menerangkan ajaran tauhid menurut aliran Salafiyah.<sup>183</sup>

Menurut aliran Salaf, Tauhid pada dasarnya terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu pertama Tauhid al-Asma' wal-Sifat, kedua Tauhid Rububiyah, ketiga Tauhid Uluhiyah.<sup>184</sup> Mengenai Tauhid al-Asma' wal-Sifat, ia bermaksud mempercayai keesaan nama-nama dan sifat-sifat Allah swt seperti yang disebut

<sup>182</sup> Zakaria @ Mahmood bin Daud, *Op.Cit.*, h. 425

<sup>183</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Op.Cit.*, h. 55.

<sup>184</sup> Mohd Na'im Yasin (1985), *al-Imān, Arkanuhu, Ḥakiqatuhu, Nawāfiḍuhu*, Maktabah al-Risalah, Kuwait, h. 15-37.

ketiga Tauhid Uluhiyah.<sup>184</sup> Mengenai Tauhid al-Asma' wal-Sifat , ia bermaksud mempercayai keesaan nama-nama dan sifat-sifat Allah swt seperti yang disebut dalam al-Qur'an dan Sunnah tanpa tasybih, takwil dan ta'til. Yakni tanpa menyamakan Allah swt dengan makhluk, atau memalingkan erti sifat-sifat itu yang sebenar kepada erti lain dan tanpa mengingkari adanya sifat-sifat Allāh swt yang ditentukan olehNya dan RasulNya. Dalam hubungan ini, golongan islah menolak ‘Sifat 20’ seperti yang dipakai oleh golongan mazhabiyah. Menurut A. Hassan, sifat-sifat bagi Allāh swt yang wajib ada hanya 13 sahaja. Menurut A. Hassan, sifat-sifat yang selebihnya (Sifat-Sifat Ta'luk) tidak perlu kerana sudah ada dan tersimpul dalam Sifat 13 yang telah disebut sebelumnya.<sup>185</sup>

#### 4. Cara Bertawasul

Golongan Ahlu Sunnah Perlis berpendapat bahawa bertawasul atau memohon sesuatu melalui perantaraan memang dibolehkan kerana diharuskan oleh syara', tetapi hanya kepada tiga jenis atau cara sahaja ; iaitu pertama dengan nama-nama dan sifat-sifat Allah yang *al-Husna*, kedua, dengan perantaraan amalan-amalan salleh yang dikerja dengan iman kepada Allāh dan Rasul-RasulNya seperti yang dilakukan oleh tiga orang manusia terdahulu yang terperangkap dalam gua<sup>186</sup> dan ketiga meminta dari orang ṣālīḥ yang masih hidup supaya tolong berdoa kepada Allāh swt supaya Allah memperkenankan doa atau permohonannya.<sup>187</sup>

<sup>184</sup> Mohd Na'im Yasin (1985), *al-Imān, Arkānuhu, Iḥāqīqatuhu, Nawāfiḍuhu*, Maktabah al-Risalah, Kuwait, h. 15-37.

<sup>185</sup> *Ibid*, h.56.

<sup>186</sup> Kisahnya dimyatakan dalam al-Qur'an, Surah al-Kahfi (18):21-22.

<sup>187</sup> Zakaria @ Mahmood bin Daud, *Op.Cit.*, h. 438.

menganggapnya sebagai bid'ah. Mereka berpendapat bahawa pada zaman Nabi saw dan zaman *Salafus al-Salleh* tidak ada sebarang bentuk aliran tarikat dan organisasi kerohanian. Bagi mereka untuk membentuk dan mendidik rohani supaya hampirkan kepada Allah dan menjadikan diri orang yang bertakwa, tidak perlu *tasawuf* dan mengikut mana-mana aliran *tarikat*, seperti *tarikat Ahmadiyah*, Naksabandiah dan sebagainya. Umat Islam hanya cukup dengan mengikut cara Rasulullah saw dan para *Salafus al-Sallch*, seperti selalu menunaikan kewajipan agama, menjauhi maksiat, selalu membaca wirid-wirid dan zikir-zikir yang diajar oleh Rasulullah saw, selalu membaca al-Qur'an, berselawat kepada Nabi dan menunaikan *Qiyam al-Lail*<sup>188</sup> dan sebagainya yang disuruh oleh Islam.

## 6. Memerangi Perkara Syirik, Khurafat dan Bid'ah

Usaha Ahlu Sunnah Perlis juga ialah memerangi dan menghapuskan unsur-unsur syirik, khurafat dan bid'ah yang banyak berlaku dalam masyarakat Perlis terutama semasa peringkat awal kelahirannya. Di Perlis pada zaman awal kelahiran Islah Perlis, dikatakan banyak kubur-kubur keramat yang menjadi tumpuan masyarakat Perlis datang memohon dan meminta sesuatu hajat, berniat dan bernazar dan melakukan pelbagai unsur syirik dan pemujaan kepadanya. Kubur-kubur keramat itu seperti kubur Hj. Muhammad Salleh di Kampung Padang pauh, kubur Tok Syeikh Muda, kubur Tok Lebai Salim, kedua-dua di Kampung Mata Ayer dan kubur Tok Jernih di Kampung Bukit Jernih.

Perkara-perkara khurafat yang berlaku di Perlis pada masa itu antaranya ; pemujaan pantai dengan meyembelih kerbau putih, jamu hantu, jamu roh datok

---

<sup>188</sup> *Ibid*, h. 440

nenek, kenduri tolak bala, melenggang perut bagi ibu yang mengandung anak sulung dan sebagainya.

Manakala perkara-perkara bid'ah pula yang dilakukan oleh masyarakat Perlis seperti talkin mayat selepas dikebumikan, tahlil arwah, tunggu kubur selama tujuh hari dan membaca *usali* sebelum takbir *al-Ihram* sewaktu hendak sembahyang.<sup>189</sup> Dengan usaha dakwah yang berterusan dari tokoh-tokoh awal Ahlu Sunnah Perlis bagi menghapuskan perkara-perkara tersebut, akhirnya unsur-unsur syirik, khurafat dan bid'ah dapat dikurangkan dan orang ramai terus meninggalnya.

## 7. Perkara-Perkara Ibadah

Mengenai perkara ibadah, mereka merujuk kepada al-Qur'an dan Sunnah juga kepada mana-mana pendapat imam mazhab yang berdalilkan kepada dalil-dalil yang kuat, walaupun pendapat itu menyalahi pendapat imam Syafie. Oleh itu dalam perkara ibadah ini didapati ada perbezaan dari yang dilakukan oleh pengikut bermazhab Syafie, khususnya mengenai cara menunaikan sembahyang lima waktu, sembahyang Juma'at, sembahyang terawih dan sebagainya. Mereka membaca *basmalah* perlahan (tidak *jahr*)<sup>190</sup> pada raka'at yang pertama dan kedua bagi sembahyang Maghrib, Isya', Subuh dan tidak membaca qunut pada sembahyang Subuh. Mereka juga tidak membaca wirid secara beramai-ramai selepas sembahyang fardu, bahkan masing-masing membaca secara bersendirian dan berdoa pun bersendirian. Manakala sembahyang Juma'at mereka hanya

<sup>189</sup> *Ibid*, 443. Tidak semua tempat berama dengan pandangan Ahlu Sunnah Perlis, ada sebahagian masyarakat Perlis masih bermazhab Syafie, lihat Mohd Radzi Othman dan O.K Rahmat, h. 118 dan penelitian penulis sendiri dari tahun 1995- 2002.

<sup>190</sup> Ibn Kathīr, *Op.Cit.*, 1:34-35.

mengadakan azan (bang) sekali sahaja.<sup>191</sup>

### 3.4.4 Pemikiran, Sikap dan Budaya Masyarakat Arau di Sekitar Masjid Arau.

1. Pemikiran, sikap dan budaya masyarakat Arau terhadap soal hubungan persaudaraan Islam dan kejiranan adalah baik. Di antara anak kariah saling hormat menghormati dan selalu memberi kerja sama apabila diperlukan terutama apabila diajak bergotong-royong, ada kematian dan majlis kenduri kendara.<sup>192</sup>
  
2. Dalam hal mengiktirafkan kewujudan Masjid Arau kepada anak kariah adalah kurang memuaskan, yang mana kehadiran mereka untuk sembahyang berjamaah kebanyakannya dari kalangan yang berusia 50 tahun ke atas. Anak kariah yang berusia 40 tahun ke bawah kurang minat untuk memakmurkan masjid. Program-program masjid juga kurang mendapat sambutan dari anak kariah itu kerana menurut Dato' Setia Jaya masyarakat dalam kariah Arau pada masa itu terdiri dari tiga golongan iaitu, golongan cerdik pandai dan ilmuan tetapi bilangannya kecil 10-11% sahaja, golongan kedua, golongan yang memerlukan bicara dan hikmat untuk menghadiri diri ke masjid dan mengikuti program-programnya lebih kurang 20%.<sup>193</sup> Golongan ketiga adalah yang tiada pendirian dan ikut ajakan kawan-kawan terutama untuk menghadiri kuliah ilmu dan ke masjid untuk bersembahyang berjamaah. Kumpulan ketiga adalah golongan majoriti kepada masyarakat Arau yang mana sikap, budaya dan pemikiran golongan ini perlu perhatian yang serius. Mereka kurang berpelajaran dan mereka ini perlu dibimbang serta dididik dengan pelbagai program ilmu dan

<sup>191</sup> Ibid, h. 444.

<sup>192</sup> Wawancara dengan Mufti Negeri Perlis, Dato' Mat Jahya Hussin pada 5hb.Sept., 02.

<sup>193</sup> Wawancara dengan Dato' Setia Jaya Hj. Abu Bakar Hj. Ahmad (Timb. Pengurus Masjid Arau) pada 5 hb. Sept., 02.

kemasyarakatan supaya sikap, budaya hidup dan pemikiran mereka lebih terbuka dan lebih berminat untuk hadir sembahyang berjamaah dan mengikuti program-program ilmu. Diharapkan dengan pelbagai maklumat ilmu, sembahyang berjamaah dan aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan akan membolehkan mereka (golongan kedua dan ketiga) lebih mampu berfikir, bertindak dan beramal dengan lebih sempurna lagi.<sup>194</sup>

3. Pemikiran, sikap dan budaya yang paling menonjol tidak fahamnya masyarakat Islam Arau dengan *tasawur* Islam apabila diajukan persoalan-persoalan yang melibatkan isme-isme seperti fahaman sekular, kebendaan, masjid dan politik, masjid dan ekonomi. Mereka jarang sekali mendengar kata-kata sekular dan faham kebendaan. Bagi mereka politik dan ekonomi tidak boleh dibicarakan dalam masjid yang suci, seolah-olah apabila berbicara soal politik, ekonomi di dalam masjid ianya mengotorkan kesucian masjid dan menjijikkan kerana berbicara tentang dunia. Pandangan ini adalah pandangan majoriti pemikiran masyarakat Arau, terutama golongan yang berusia lima puluh tahun ke atas dan ada juga dikalangan usia 30 an.<sup>195</sup>

4. Pemikiran, sikap dan budaya masyarakat Arau terhadap program-program masjid mereka menerima mengikut siapa yang memberi kuliah itu, samaada kuliah Maghrib, kursus Haji, bertadarus dan membaca al-Qur'an secara tajwid. Jika penceramahnya ada pendirian politik dan pembawaan yang berlawanan dengan pegangan Sunnah wal Jamaah Perlis, maka pandangan dan

<sup>194</sup> Wawancara dengan Hj. Zainuddin Hashim, Timb. Setiausaha Masjid Arau, beliau juga adalah Penghulu mukim Arau pada 18 /10 /02.

<sup>195</sup> *Ibid*.

kuliah yang disampaikan sukar untuk diterima. Kadang-kadang penceramah, guru dan imam itu tidak akan dibenarkan lagi memberi kuliah ilmu atau berkhidmat dengan masjid itu.<sup>196</sup> Anak kariah Arau akan membuat permohonan kepada JAIPs supaya kakitangan, penceramah atau imam itu tidak lagi berada atau berkhidmat dengan Masjid Arau. Pemikiran yang sedemikian menggambarkan bahawa masyarakat Arau tidak terbuka pemikiranya untuk mendengar, berbincang dan mengeluarkan pendapat yang berbeza dengan apa yang telah ada dalam kepala dan jiwa mereka yang mereka amal serta fahami selama ini. Ini telah diakui sendiri oleh Pengarah (En. Sazali Hj. Hussein), Dato' Setia Jaya Hj. Abu Bakar dan En. Zainuddin b. Hashim (Timb. Setiausaha Masjid Arau dan Penghulu Mukim Arau sekarang).<sup>197</sup> Dato' dan Pengarah mengatakan bahawa usaha dakwah dan kuliah ilmu harus dipergiatkan lagi supaya sikap dan pemikiran masyarakat di situ berubah dan kefahaman mereka tentang *taṣawur* Islam dapat ditingkatkan dari semasa ke masa.

### 3.5 Pandangan Sarjana Islam Tentang Pemikiran

1. Pemikiran al-Ghazālī (450–550 H). Al-Ghazālī (nama sebenarnya Abu Ḥamīd bin Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī). Beliaulahir di Tus dalam daerah Khurasan.<sup>198</sup> Beliau menyeru manusia untuk meneliti sesuatu pendapat, bukan melihat orangnya, melihat dalil pendapat tersebut, bukan melihat

---

<sup>196</sup> *Ibid*

<sup>197</sup> Wawancara pada 3hb. Sept., 02 dengan Pengarah JAIPs , 5hb. Sept., 02 dengan Dato' Setia Abu Bakar Hj. Ahmad (Timb. Pengerusi Masjid Arau) dan En. Zainuddin b. Hashim pada 18hb. Okt., 02.

<sup>198</sup> Mahmud Hamdi Zaqquq (1993), terj. Mohd Sulaiman Hj. Yasin, *Antara Falsafah Islam dan Falsafah Moden Barat: Suatu Perbandingan antara al-Ghazali dan Descartes*, Dewan Bahasa dan Pustaka, K. Lumpur, hal. 11.

populariti tokohnya. Beliau memberi pandangan supaya seseorang itu bersikap objektif dalam sesuatu hal dalam pemikiran. Seseorang tidak boleh menerima kebatilan lantaran idea itu datang dari orang yang dicintainya dan tidak boleh menolak kebenaran kerana datang dari orang yang dia benci. Orang yang berbuat kebatilan tidak mustahil dapat membawa kebenaran dan orang yang selalu melakukan kebenaran tidak mustahil dapat melakukan kebatilan.

Ketika ada sebahagian orang menyanggah kata-katanya di dalam karyanya tentang rahsia ilmu agama, menuduh kata-kata tersebut berasal dari ucapan para failasof kuno. al-Ghazālī mempertahankan pendapatnya, bahawa kata-kata tersebut lahir dari perasaan hati dan sebahagian yang lain terdapat dalam syariat.<sup>199</sup> al-Ghazālī berulang kali mengajak manusia agar meragukan semua ucapan-ucapan yang diwarisi dari aliran yang diikutinya. Kemudian meletakkannya pada pertimbangan untuk diuji sama ada ia dapat dipakai atau harus ditinggalkan.

Persoalan keyakinan merupakan faktor utama bagi penulisan-penulisannya yang melalui dilancarkan serangan terhadap berbagai-bagai sasaran, antaranya para fukaha', golongan batiniyah, ahli falsafah dan ahli *mutakallimīn*.<sup>200</sup> Persoalan ini sebenarnya merupakan persoalan utama falsafah yang banyak memakan tenaga pemikiran ahli falsafah. Menurut al-Ghazālī tujuannya ialah untuk mengetahui kebenaran dan menjelaskan kepada manusia bahawa ilmu yang diyakini mendedahkan kepada apa yang hendak diketahui,

<sup>199</sup> Yusof al-Quraḍawī, Prof. Dr. (1997), terj. Ahmad Satori Ismail, Dr., *Pro-Kontra Pemikiran al-Ghazālī*, Risalah Gusti, Surabaya, hal. 60 .

<sup>200</sup> Adil Za'buh (1993), terj., Osman Hj. Khalid, *al-Ghazālī Dan Metodologi Kajiannya* , Dewan Bahasa dan Pustaka, K. Lumpur, hal. 57 .

yang tidak meninggalkan keraguan, akan terdedah kepada kesalahan dan kesesatan.<sup>201</sup>

Perkara yang paling menonjul dalam pemikiran al-Ghazālī ialah kaedahnya yang boleh disifatkan sebagai berani untuk mengetahui sesuatu dan berani untuk meraguinya. Pernyataan yang terbaik tentangnya diutarakannya dalam buku ‘autobiografinya’ sendiri yang terkenal iaitu “al-Munqiz Min al-Dalāl”.

Al-Ghazālī menjelaskan bahawa teras fikiran itu ialah ilmu pengetahuan, untuk mencungkilkan makrifat yang tidak dapat dihasilkan melainkan dengan berfikir. Apabila hati telah berjaya mencapai sesuatu pengetahuan, niscaya keadaannya akan berubah, hati akan berubah, anggota badan turut berubah. Jadi pemikiran adalah pokok atau kunci kepada seluruh kebajikan, kerana dia telah memindah diri dari yang dibenci kepada perkara yang digemari, dialah yang menyebabkan berlaku perkembangan ilmu pengetahuan dalam diri manusia dan menghasilkan makrifat untuk berbagai-bagai faedah yang berguna.<sup>202</sup> Pandangan al-Ghazālī disokong oleh Abū al-Hasan Nadwi yang menyatakan bahawa Islam itu agama yang memberi makrifat yang mendalam, jelas, bersifat kerohanian yang mampu menguasai roh, jiwa, hati dan anggota. Ia membawa kesan kepada akhlak dan sosial. Ia mempunyai kuasa untuk menguasai kehidupan manusia yang mantap, jitu dan jiwa yang kukuh.<sup>203</sup>

<sup>201</sup> Imam al- Ghazālī (1997) ,terj., Abd. Fatah Haron Ibrahim, Dr., *Munqiz Min al-Dalāl*, Dewan Bahasa dan Pustaka, K. Lumpur, hal. 22-27 dan 80-81.

<sup>202</sup> Imam al-Ghazālī ( t.t), *Mauizah al- Mukminin*, Maktabah at- Tijarah , 2. 357.

<sup>203</sup> Mohammad Kamil Hj. Ab. Majid, Faham kebendaan : Pandangan Kritis Abu al-Hasan Nadwi, *Op. Cit.*, hal. 122.

Hakikat akal menurut al-Ghazālī dibahagikan kepada 4 bahagian;

- i- Ia dapat membezakan manusia dengan binatang, kerana manusia boleh menerima ilmu, berfikir, mengurus pelbagai peralatan dengan pemikiran yang mudah.
- ii- Ilmu-ilmu yang memandu seseorang itu membezakan antara perkara sunat, harus dan halal untuk digunakan.
- iii- Ilmu yang memberi faedah kepada penguji untuk membuat pelbagai uji-kaji.
- iv- Ilmu yang memberi kekuatan dan kehebatan kepada manusia sehingga boleh membezakan dorongan sahwat kepada kelazatan iman sebenar yang manusia dapat mencapai melalui kekuatan akalnya.<sup>204</sup>

Al-Ghazālī memberikan penekanan bahawa bidang yang harus difikirkan oleh manusia ialah; Meneliti akan lidahnya, apakah lidah itu didatangi oleh bencana seperti suka berbohong, mengumpat, memuji diri sendiri, menghina dan mengejek orang lain dan berbagai-bagi lagi sifat tercela.

Meneliti telinga dan menjaganya daripada melakukan perkara keji dan maksiat kepada Allah swt. Meneliti dan menjaga perut daripada melakukan maksiat kepada Allah swt dalam soal makan dan minum dari sumber haram, syubhat atau halal, dan juga telulu banyak mengisinya.

---

<sup>204</sup> Abu Ḥāfiẓ Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (t.t), *Iḥyā’ Uloom al-Dīn*, Maktabah ‘Abd al-wakil al-Darubi, Damsyik, 1: 75-76.

Mengingati dan menjaga dirinya kerana semua ibadah menjadi sia-sia sahaja jika makan minum daripada sumber yang haram dan bahawa makan minum dari sumber yang halal menjadi pra syarat ibadah itu diterima. Memikirkan terhadap anggotanya yang lain, sehingga ia mampu memeliharanya dari bahanaya-bahanaya yang boleh membina-sakan amalan dan dirinya sendiri.<sup>205</sup>

## 2. Pemikiran Ibn Khaldūn ( 732 – 808 H/ 1332 – 1406 M)

Pandangan Ibn Khaldūn hampir sama dengan pandangan al-Imām al-Ghazālī dalam bidang ilmu. Beliau menolak fahaman ahli falsafah terutamanya mengenai hakikat akal, makrifah, kebahagiaan dan lain-lain lagi.

Menurut Ibn Khaldūn, ilmu falsafah membawa bahanaya kepada akidah dan tidak memberi sebarang faedah kepada penuntutnya. Fahaman ahli falsafah yang menyatakan bahawa makrifah maknawi (super sensible) boleh diperolehi melalui dalil-dalil akal, ditolak oleh Ibn Khaldūn. Beliau telah membawa contoh kata-kata Plato (428-348 s.m), bapa falsafah Greek mengenai pendapatnya yang mengatakan bahawa *ilahiyāt* tidak sampai kepada yakin .<sup>206</sup>

Ibn Khaldūn juga menolak fahaman yang mengatakan bahawa segala yang berlaku di dalam alam ini dipengaruhi oleh pergerakan bintang dan cakrawala. Golongan ini mengatakan bahawa dalil-dalil bintang adalah merupakan suatu yang tabii yang mempengaruhi tindakan sosial manusia. Dalam

<sup>205</sup> *Ibid* , hal . 357- 358 .

<sup>206</sup> 'Abd Al-Rahmān Ibn Khaldūn (1959), *at- Ta'rif bi Ibn Khaldūn wa Rihlatuh Syarqan wa Gharban* , Dar al-Kitab al- Libnan, Beirut, 7:805.

menangani fenomena ini, Ibn Khaldūn telah menggunakan satu kaedah kodifikasi sistemetic iaitu sains peradaban. Di dalam kaedah kodifikasi ini, segala faktor-faktor empirik seperti geografi, ekonomi peraturan kebudayaan, perkembangan sejarah adalah mempengaruhi tindakan sosial manusia.<sup>207</sup> Teori Peradaban inilah yang telah meletakkan beliau sebagai pengasas kepada ilmu sosiologi dan sejarah moden, sekali gus sebagai failasof yang unggul dalam lembaran sejarah dan peradaban dunia.

Ibn Khaldūn menyatakan awal perbuatan adalah akhir pemikiran, awal pemikiran adalah akhir perbuatan, tidak sempurna perbuatan manusia kecuali dengan berfikir mengikut kemampuan masing-masing. Hukum syara' dibebankan kepada pelakunya kerana ia mampu berfikir.<sup>208</sup>

Ibn Khaldūn telah menjelaskan kemuliaan manusia daripada makhluk-makhluk lain kerana manusia ada beberapa sifat yang tidak ada makhluk lain. Antara lain sifat-sifat itu ialah ;

- i. *Idrak*, kesedaran dalam diri seseorang tentang hal yang ditanggap sesuatu yang khusus dimiliki oleh makhluk-makhluk yang hidup sahaja dan tidak pada lain-lain benda.
- ii. Intuisi, manusia mampu menanggapi sesuatu yang diluar dirinya melalui kemampuan berfikir, sesuatu yang ada melampaui panceaindranya. Ia adalah diakibatkan oleh sesuatu kekuatan yang berada ditengah-tengah bahagian otak.

<sup>207</sup> Mohd Fakry (1970) , *A History of Islamic Philosophy* , Studies in Oriental, Columbia, Columbia University Prees, 5:365.

<sup>208</sup> Ibn Khaldūn(t.t), *Tarikh al- 'Alāmah Ibn Khaldūn*, Dar al-Kitab, Beirut- Lubnan, hal.839.

Dengan sokongan itu manusia mampu mengambil bayangan, menyifatkan gambar-gambar lain, akal juga mampu membuat analisis dan sintesis.<sup>209</sup>

iii. Berfikir, fikr ialah penjamahan bayangan-bayangan ini disebalik perasaan dan aplikasi akal di dalamnya untuk membuat analisis dan sintesis. Inilah yang dikatakan *af'idah* sebagaimana dalam firman Allah swt yang maksudnya:

*“ Dan Dia menjadikan bagi kamu pendengaran , penglihatan dan akal ”.*

Surah al-Mulk (67):23.

iv. Fu'ad inilah yang dimaksudkan dengan fikiran , fikr. <sup>210</sup>

Ibn Khaldūn menjelaskan bahawa kesanggupan berfikir manusia ada beberapa tingkatannya ;

i. Pemahaman intelektual manusia terhadap segala sesuatu yang ada di luar alam semesta dalam bentuk yang berubah-ubah. Bentuk pemikiran ini dikenali tanggapan-tanggapan.

ii. Kemampuan berfikir menyediakan manusia itu dengan idea-idea dan perilaku dalam perhubungan sosial sesama manusia. Idea ini dinamakan *taṣdiqāt* dan berpindah kepada intelektual eksperimental.

iii. Kemampuan manusia berfikir untuk mendapat pengetahuan ( 'ilm), atau

---

<sup>209</sup> Ibn Khaldūn (1988) , *Muqadimah Tarikh Ibn Khaldūn*, Dar al-Fikr, Beirut-Lubnan,hal. 599.

<sup>210</sup> Ibn Khaldūn, *Muqadimah Ibn Khaldūn*, *Op. Cit* .

andaian (*zann*) mengenai sesuatu objek yang berada melampaui persepsi indera tanpa adannya tindakan praktis. Ia dikenali sebagai Intelektual Spekulatif (al-‘Aql an-Nażar). Ia mengandungi proses-proses tanggapan (perception), apersepsi, atau *taṣawwur* dan *taṣhdīq*.

iv. Memberi tanggapan mengenai wujud bagaimana adanya menurut pelbagai pandangan, perbezaan sebab-sebab dan punca-puncanya. Dengan memikirkan hal-hal ini, manusia dapat mencapai kesempurnaan dalam realitinya, menjadi intelek murni dan jiwa yang merdeka. Inilah makna hakikat manusia (al-ḥaqīqat al-insāniyah).<sup>211</sup>

Ibn Khaldūn mengatakan bahawa pada masa berfikir bererti permulaan tindakan manusia yang dilakukan secara teratur dan tertib. Pada waktu yang lain ia adalah awal mula pengetahuan tentang sesuatu yang tidak ada sebelumnya.<sup>212</sup>

Bagi Ibn Khaldūn, ilmu dan kerjaya yang membezakan manusia dengan haiwan. Semakin tinggi ilmu pengetahuan semakin maju pula negeri atau negara tersebut. Ilmu dan pekerjaan menjadi pemangkin kepada kemajuan sesebuah negara.<sup>213</sup> Dengan lain perkataan ilmu yang menyebabkan sesuatu bangsa manusia itu maju sama ada dalam bidang pemikiran, peradaban, keintelektualan, budaya dan industri.

### 3. Pemikiran Dr. Yusof al-Qaraḍawī.

<sup>211</sup> *Ibid*, hal. 599.

<sup>212</sup> *Ibid*, hal. 592.

<sup>213</sup> Mohammad Kamil Hj. Ab. Majid (2000), *Tajdid Perspektif Sejarah dan Masa Kini*, *Op.Cit.* hal. 59.

Dr. Yusof al-Qarađawī mengatakan bahawa masyarakat Islam adalah masyarakat yang dipimpin oleh pemikiran dan pemahaman yang jelas akan menentukan pandangannya terhadap sesuatu perkara, peristiwa, individu, pendirian, nilai dan perhubungan. Beliau menilai pemikiran semua perkara ini menurut pandangan Islam. Beliau tidak mengambil penilaian dan tidak menciplak pandangan melainkan dari sumber-sumber Islam yang murni serta bersih dari sebarang pencemaran dan penyelewengan yang merupakan saki baki peninggalan jahiliyah silam yang menguatkan lagi sifat keterlaluan eksrimis, kelalaian yang tidak bertanggungjawab, gugatan pendusta dan pentafsiran orang-orang yang jahil tentang Islam.

Semenjak zaman permulaan Islam lagi, Islam telah memperbetulkan pemahaman para penganutnya sehingga lurus pandangan mereka terhadap pelbagai persoalan dan sikap. Islam juga telah dapat menyatukan pandangan umum para penganutnya terhadap pelbagai masalah dan nilai. Islam tidak membiarkan umat Islam dikuasai oleh gerakan hati atau pemesongan dari maklumat dan tersesat dari jalan yang benar, lantas mereka akan terpisah dari jalan-jalan kebenaran kepada jalan-jalan kebatilan.

Oleh itu al-Qur'ān dan Sunnah telah memainkan peranannya untuk membetulkan pemahaman dan pemikiran yang salah serta tanggapan yang terpesong yang sering menguasai kebanyakan manusia.<sup>214</sup> Al-Qur'ān juga meperbetulkan pemikiran tentang kejayaan, kesenangan dan kegagalan. Al-

---

<sup>214</sup> Yusof al-Qarađawī, Prof. Dr.(2000), terj., Mohammad Zaini Yahya, *Ciri-Ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*, Penerbitan Seribu Dinar, Selangor, hal. 97.

Qur'an telah memindahkan dari skop yang sempit di dalam pemikiran manusia iaitu dari skop kebendaan serta keduniaan yang segera kepada skop yang lebih luas dan kekal abadi.

Al-Qarađawī menjelaskan lagi bahawa pemikiran Islam terhadap kehidupan ialah pemikiran yang seimbang dan adil, ia menjadikan dunia sebagai ladang untuk akhirat dan jalan menuju negeri abadi. Jalan ini sepatutnya tidak melalaikan seseorang dari matlamat yang ditempoh oleh perjalanan, tetapi sepatutnya menyenangkan serta diteduhi oleh pohon-pohon sehingga ia mudah dilalui oleh para musafir.

Pemikiran Islam bukan pemikiran ‘pesimistik’ atau sangka buruk yang menganggap dunia sebagai laknat, alam sebagai jahat dan ia hendaklah dipercepatkan oleh kefana'annya, betapa menyendiri, serta menjauahkan perkahwinan dan kesenangan yang halal seperti yang difahami oleh aliran “Maknawi” di Parsi dan sebagaimana yang dilakukan oleh “biarawan dan bairawati” (golongan padri) dalam agama Kristian dan kaum Sundra dalam agama Hindu.<sup>215</sup>

Pemikiran Islam tentang manusia juga adalah seimbang dan adil. Islam menganggap manusia sebagai makhluk yang mulia serta mempunyai tabiat yang suka bercampur atau bermasyarakat. Pemikiran Islam bukanlah pemikiran kebendaan yang menganggap manusia hanya semata-mata jasad bersama organ anggota, darah, daging, tulang, nafari dan emosi sahaja. Pemikiran Islam

---

<sup>215</sup> *Ibid*, hal. 109.

bukanlah pemikiran kerohanian yang keterlaluan yang menganggap bahawa jasad itu adalah jahat dan kotor. Pemikiran kerohanian yang keterlaluan yang menganggap roh sahajalah tempat yang bersih dan tinggi nilainya. Manusia tidak akan berjaya dan terselamat melainkan dengan menyeksa jasad serta menghalang kemahuannya untuk memudahkan roh bertenang, meningkat ke martabat yang tinggi dan menjadi suci.<sup>216</sup>

Dr. Yusof al-Qarađawī menjelaskan lagi bahawa ;

Bukan namanya masyarakat Islam, jika pemahaman takwa itu sebagai baju yang koyak rabak, janggut yang tidak terurus, tasbih yang diputar-putar tanpa sebarang ilmu yang bermanfaat, hati yang khusyu' dan amal yang salah.

Bukan namanya masyarakat Islam, jika rata-rata pemikiran tentang kehidupan di dalamnya adalah seumpama pemikiran Barat, Hindu dan Budha.

Bukan namanya masyarakat Islam, jika kemungkaran berleluasa dan kefasadan menyebarluaskan kegelapan di setiap tempat, sedangkan ia berkata “*nafsi – nafsi* ”.

Bukan namanya masyarakat Islam, jika keadilan sosial hanya untuk segelintir manusia sahaja menimbun harta berbukit-bukit dan melimpah ruah, orang fakir dan miskin tidak dibela nasibnya sehingga menjadikan masyarakat itu sebagai “masyarakat sedekah “.<sup>217</sup>

---

<sup>216</sup> *Ibid* , hal. 110 .

<sup>217</sup> *Ibid* , hal. 111.

### 3.6 Ciri-Ciri Pemikiran Islam

- i. Berteraskan kepada tawhīd. Asas pemikiran Islam berdasarkan kepada tawhīd kepada Allāh swt. Ia bukan sahaja menjadi teras kepada akidah, ia juga menjadi pembeza antara Islam dan kafir serta mempunyai implikasi yang sangat besar kepada kehidupan seseorang muslim dan tamadun Islam. <sup>218</sup>
- ii. Toleransi. Pemikiran Islam berdasarkan sikap toleransi kepada semua tamadun dunia lain selagi ia tidak bercanggah dengan akidah, syariat, dan akhlak Islam. Sikap toleransi inilah yang menjadikan Islam sebagai agama yang menjadi rahmat kepada seluruh alam. Sikap toleransi adalah manifestasi daripada sifat rahmat Allāh swt sendiri seperti mana dalam firman Nya yang maksudnya :

*“Dan jika Tuhan kamu kehendaki, nescaya berimanlah semua yang di bumi ini keseluruhannya. Adakah engkau akan memaksa manusia sehingga mereka beriman?”*

Surah Yūnus ( 10): 99.

Dan FirmanNya lagi yang maksudnya :

*“ Dan katakanlah (Wahai Muḥammad) bahawa kebenaran itu yang datang dari Tuhan kamu. Maka Sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman, dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah ia meingkarinya... ”.*

Surah Kahfi(18) : 29.

---

<sup>218</sup> Abd Halim Ramli, Kepentingan Tauhid Kepada Kehidupan, *Berita Harian* , 14 Julai , 2001, hal. 27.

iii. **Kesederhanaan.** Pemikiran Islam adalah pemikiran yang berdasarkan kepada pemikiran yang sederhana, adil dan seimbang antara kepentingan duniaawi dan ukhrawi. Ia juga adalah sifat Islam itu sendiri dan menifestasi daripada sifat keadilan dan rahmat Allāh swt. Pemikiran Islam bukanlah meminta atau menuntut umat Islam melupakan akhirat untuk berjaya di dunia kerana kejayaan sebenar umat Islam ialah mereka yang mampu menyeimbangkan keperluan ruh dan jasmani, nafsu dan akal dan melaksanakan kewajiban kepada Allāh dengan sempurna mengikut syariat Islam yang jelas dan terang. Firman Allāh swt yang maksudnya :

*“ Dan demikianlah Kami jadikan kamu umat yang sederhana, supaya kamu menjadi saksi ke atas manusia dan rasul pula menjadi saksi ke atas kamu ”.*

Surah al-Baqarah (2): 143.

iv. **Menegakkan Makruf dan Mencegah Munkar.** Pemikiran Islam adalah pemikiran yang tidak akan membiarkan diri dan masyarakat dikuasai dengan kemungkar yang berleluasa. Sebaliknya berusaha supaya makruf sentiasa lantang dan menguasai nilai-nilai dan kehidupan budaya masyarakat. Mekanism mengajak manusia ke arah kebaikan itu bukan sahaja mesti berkesan, tetapi kuat dan dihormati.<sup>219</sup>

v. **Keadilan.** Prinsip pemikiran Islam berdasarkan kepada keadilan sejagat. Keadilan dalam Islam merentasi warna kulit, bangsa, sejarah dan sempadan

---

<sup>219</sup> Nakhaie Hj. Ahmad, *Kebijaksaan Dalam Melaksanakan Syariat*, *Berita Harian*, 19 Julai, 2001 , hal. 23 .

geografi. Apabila keadilan dihormati, disanjung serta dihayati, ia menandakan bahawa pemikiran yang tinggi berlaku dalam masyarakat itu.<sup>220</sup> Firman Allāh swt yang maksudnya :

*“Dan janganlah permusuhan dengan sesuatu kaum itu membawa kamu tidak melakukan keadilan. Berlaku adillah kerana ia mendekatkan kepada ketakwaan ”.*

Surah al- Māidah (5): 8.

### 3.7 Pandangan Sarjana Barat Tentang Pemikiran

Dalam pandangan sarjana Barat, minda atau pemikiran dapat ditinjau melalui proses tindak balas kimia dan biologi secara rawak dalam otak manusia, sebagai fungsi otak secara keseluruhannya. Secara tradisinya, minda juga dianggap boleh beroperasi secara bebas daripada apa yang hanya berada dalam otak fizikal manusia. Ia mampu berfikir dan menghasilkan berbagai-bagai intelejen (kemahiran dan kepintaran ).<sup>221</sup>

Pada pandangan golongan idealisme, minda dan fikiran dapat menangggapi kebenaran hakiki dan segala jirim yang terdapat dalam alam ini yang tidak terpisah daripada kemampuan minda untuk memikirkannya. Mutakhir ini ramai pemikir membicarakan tentang pemikiran kreatif, Di dunia barat, antara mereka yang membicarakan pemikiran kreatif ini termasuklah Margaret Boden,

---

<sup>220</sup> *Ibid* .

<sup>221</sup> Mohd Yusof Othman. Dr. ( 1998), *Isu-Isu Dalam Ilmu Dan Pemikiran* , Aras Mega Sdn. Bhd ., Kajang, Selangor, hal. 60.

**1. Bagi William Blake (1757- 1827)** Dalam teorinya, beliau menganggap bahawa pertarungan antara unsur-unsur yang bertentangan dalam minda akan membentuk pertarungan mental *mental fight*. Pertarungan ini akan menghasilkan perdamaian dan suasana harmoni yang positif yang menghasilkan kreativiti. Dengan demikian, beliau mengatakan bahawa kita mempunyai pilihan samada ingin bertarung secara mental atau bertarung secara fizikal antara satu sama lain. Inilah yang beliau anggap akan menghasilkan daya usaha dalam kreativiti. <sup>223</sup>

**2. Edward De Bono, lahir pada tahun 1933..<sup>224</sup>** Beliau telah mengemukakan idea tentang pemikiran menegak atau *verticle* dan *lateral* dalam kaedah berfikir yang menghasilkan tingkah laku seseorang. Bagi Edward, pemikiran menegak selalu dikawal oleh idea yang dominan terhadap sesuatu secara terus sedangkan pemikiran *lateral* tidak.<sup>225</sup> Untuk mempertahankan hujahnya, Edward memberi contoh tentang seseorang pergi ke keretanya yang diletakkan pada tempat letak kereta terbuka pada hari cuaca yang terlalu sejuk membeku, dan mendapati ais pada *lock* pintu keretanya. Orang yang berfikiran yang menegak akan berusaha untuk memanaskan lubang kunci pintu keretanya dengan api, tetapi orang yang berfikiran *lateral* akan memanaskan kuncinya dengan api dan mencairkan ais yang membeku dalam lubang kunci kereta dengan anak kunci yang panas.

<sup>222</sup> *Ibid* , hal. 61.

<sup>223</sup> Mohd Yusof Othman Prof. Dr., *Op. Cit.*, h. 63. Beliau seorang penyair, pemuisi dan artis Inggeris yang hidup di kota Landon.

<sup>224</sup> Ainan Mohd dan Abdullah Hassan, Dr.,(1996), *Pemikiran Lateral Edward de Bono*, Utusan Publication Sdn. Bhd., K. Lumpur. h.vii. Dr. Edward de Bono adalah seorang pemegang biasiswa Rhodes yang terkenal dan sangat berprestij. Beliau digelar seorang Rhodes scholar di Universiti Oxford, Cambridge, Harvard dan London. Beliau memegang dua ijazah PhD, iaitu dalam bidang perubatan dan bidang psikologi

<sup>225</sup> *Op. Cit.*, h. 65 .

Dengan kata lain, pemikir yang berfikir secara *lateral* akan memberikan pandangan alternatif yang lebih kreatif. Dalam hal ini pemikiran dan kreativiti hanya wujud apabila seseorang itu berhadapan dengan masalah.

**3. Immanuel Kant (1724- 1804 M)**, bagi Kant, kesedaran dalam diri bermula dari pengalaman hidup. Tetapi pengalaman hidup itu sendiri mengajar insan untuk memberikan alasan tentang ‘sesuatu’. Tetapi ‘sesuatu’ yang kita alami itu sendiri tidak semestinya berlaku seperti yang dijangkakan. Dengan demikian alasan lebih kepada membangkitkan perasaan dan jangkaan daripada memenuhi pengalaman, kerana ia lebih menimbulkan kesedaran (kognisi) yang melibatkan kesejagatan dan kehendak dalaman diri. Dengan demikian, kesedaran sejagat mencirikan kehendak dalaman diri yang jelas dan tertentu. Dengan kata lain, Kant percaya bahawa pengetahuan bukanlah semata-mata tumpuan peningkatan pengalaman, tetapi juga pada peralatan yang ada pada manusia untuk mengkonsepsikan tentang sesuatu yang tidak semestinya diperolehi melalui pengalaman diri sendiri sahaja tetapi juga oleh kehendak dalaman diri dan kesedaran sejagat.<sup>226</sup>

**4. Raimund Karl Popper (lahir 1902 M)**,<sup>227</sup> Popper percaya bahawa setiap teori sains mestilah selalu diuji kebenarannya, dan kebenaran saintifik ini akan

---

<sup>226</sup> Mohd Yusof Othman Prof. Dr., *Ibid*, hal. 66-67. Seorang ahli falsafah dan ahli sains fizik berbangsa Jerman.

<sup>227</sup> *Ibid*, hal. 71. Seorang ahli sains fizik berbangsa Austria yang mengutarakan teori *falsification* atau teori kepalsuan. Teori ini mengatakan bahawa sungguh pun kaedah saintifik secara umum (*scientific generalization*) tidak boleh disahkan benar secara konklusif (*conclusively verified*), tetapi ia boleh dibuktikan secara pemalsuan konklusif (*conclusively falsified*). Dengan demikian sains bukanlah suatu ilmu yang hanya berhubung dengan prosedur sahaja, tetapi ia merupakan suatu siri tekaan dan penyangkalan (*conjectures and refutation*) yang tidak pernah mencapai kebenaran sebenar secara mutlak. Inilah sebabnya bagi Popper, teori psikoanalisis yang dikemukakan oleh Singmund Freud dan falsafah Karl Marx adalah tidak ada teori pemalsuan (*unfalsifiable*) dan dengan demikian teori Freud dan Marx tidak dianggap sebagai teori saintifik.

menjadi benar berdasarkan sejauh mana ia dapat bertahan melalui ujian demi ujian yang diajukan kepada teori tersebut. Popper menerangkan teorinya ini dalam kajianya yang bertajuk *The Logic of Scientific Discovery* (1935), *The Poverty of Historian* (1957) dan *Objective Knowledge* (1972).<sup>228</sup>

Pemikiran Popper ini juga memberi erti bahawa sesuatu teori itu hanya boleh dipertahankan sebagai teori saintifik sekiranya apa yang dijangkakan dapat diuji kebenarannya secara sahih. Ini bermaksud kritikkan saintifik yang dilakukan mestilah patuh kepada proses logik yang cukup ketat, tetapi meragui apakah keseluruhan kaedah saintifik dapat digolongkan ke dalam program yang cukup sempit itu.

### 3.8 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemikiran

#### i. Al- Qur'ān

Amat menarik sekali apabila seseorang itu memperkatakan tentang kedudukan al-Qur'ān dari sudut akal dan disebut juga dalam perbahasan bahawa al-Qur'ān adalah kitab akal.<sup>229</sup> Keseluruhannya merupakan seruan yang padu ke arah pembebasan akal manusia daripada lingkaran yang sempit. Al-Qur'ān dengan pelbagai pendekatannya membawa maksud seruan kepada manusia agar menggunakan akal serta menjadikannya sebagai neraca penilaian bagi setiap perkara yang hendak dilakukan. Al-Qur'ān menegaskan bahawa akal merupakan wahana untuk menetapkan atau memutuskan apa sahaja. Akal juga adalah ciri

---

<sup>228</sup> *Ibid*, hal. 72.

<sup>229</sup> Sheikh Abdul Halim Mahmud (2000), Terj., Mohd Fakhrudin Abd Mukti, *Islam Dan Akal*, Dewan Bahasa Pustaka, K. Lumpur, hal. 3.

yang membezakan manusia daripada haiwan.<sup>230</sup>

Al-Qur'an memberi kebebasan kepada manusia untuk beriktiad dengan apa yang dinilai baik oleh akal dan juga membenarkan manusia mengikut mana-mana jalan asalkan ia logik serta sesuai mengikut pertimbangan fikiran manusia masing-masing.

Sebutan akal dalam al-Qur'an tidak dalam kata-kata nama atau perkataan "al-'aql" tetapi al-Qur'an menyebutnya dalam kata perbuatan "ya'kulu, ya'kilūn", sebanyak 49 kali.<sup>231</sup> Disamping itu al-Qur'an juga ada menyebut perkataan yang ada hubungan dengan "berakal" atau menggunakan "akal" seperti perkataan yang mengandungi maksud "al-tafkīr, al-naẓar, al-Ra'yu, tazakarun dan Uli al-Bab". Al-Qur'an ketika menyebut tentang berakal dan berfikir memang dimaksudkan secara tepat dan secara langsung kepada lafadz dan maknanya, ketika menyebutkan tentang berakal dan berfikir tidaklah setakat sebutan sahaja, tetapi mengandungi makna, keagungan, dan ketinggian akal.<sup>232</sup>

Ramai di kalangan ahli fikir yang mengikuti pemikiran Islam turut menjadikannya sebagai sandaran dalam pendekatan pemikiran mereka. Terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an yang telah dijadikan hujah dalam pendekatan mereka yang menggunakan akal.<sup>233</sup> Secara umumnya, ayat-ayat al-Qur'an dan hadis Nabi saw serta fakta sejarah banyak menunjukkan bahawa Islam itu adalah agama

<sup>230</sup> Ibn Manzur, *Op.Cit.*, 13:485.

<sup>231</sup> Mohd Sulaiman Hj. Yasin (1984), *Pengantar Falsafah Islam*, Dewan Bahasa Pustaka, K. Lumpur, hal. 51.

<sup>232</sup> *Ibid* , hal. 52 .

<sup>233</sup> Sheikh Abdul Halim Mahmud, *Op . Cit .*, hal. 4 .

akal. Jika disoalkan apakah agama akal, jawaban yang diberikan ialah hukum-hakam agama mestilah didasarkan kepada akal dan akal mesti dijadikan penentu kepada pelbagai masalah, prinsip dan kaedah dalam bidang fiqh.<sup>234</sup>

Berdasarkan kepada prinsip “akal menjadi asas agama” dapat melahirkan natijah seperti berikut :

- Akal telah dijadikan syarat mutlak kepada tanggungjawab beragama, taklif sama ada dalam bidang akidah, syariat dan akhlak.
- Islam tidak menyandarkan keislaman seseorang kepada paksaan dan kekuatan fizikal.
- Ulama’ Islam telah membuat rumusan yang tepat iaitu “Awal-awal perkara yang wajib ke atas seorang mukalaf diperengkat kematangan akal fikiran ialah mengenali Allāh swt”<sup>235</sup>

Al-Qur’ān juga menjelaskan kepentingannya kepada berbagai-bagai ranting pemikiran Islam dan kepentingannya terhadap krisis umum masa kini yang meliputi ruang lingkup falsafah yang berhubung dengan ilmu kemanusiaan secara umum.<sup>236</sup>

Dari sini jelaslah bahawa al-Qur’ān mengarahkan manusia menggunakan akal fikiran dan dalam masa yang sama al-Qur’ān menjadi pencetus kepada manusia untuk berfikir serta menggunakan fikiran untuk mencari kebenaran yang hakiki. Perpektif utama al-Qur’ān ialah kesepaduan antara kesatuan ilmu, iman,

<sup>234</sup> *Ibid*, hal. 9.

<sup>235</sup> Mohd Sulaiman Hj. Yasin, *Op.Cit*., hal : 53-55.

<sup>236</sup> Syed Muhammad Dawilah al-Idrus (1999), *Epistemologi Islam Dalam Al-Qur'an* , Dewan Bahasa Pustaka, K. Lumpur, hal. 3.

amal dan kesatuan fikir dan zikir.<sup>237</sup>

## ii. Alam Tabii

Manusia menggunakan pengalaman alam dan kehidupan dalam mempertajamkan pemikiran mereka melalui pencerapan dan penelitian secara berterusan. Perubahan demi perubahan berlaku terhadap alam *nature* dan diikuti oleh perubahan kehidupan manusia dari alam pra-batu ke alam moden dan kezaman Teknologi Maklumat. Sebagai contoh seseorang boleh melihat bagaimana Aristotle menundukkan pengalaman alam tabii dan metafizik kepada analisis semata-mata. Justeru itu beliau mencipta teori dengan penuh kesesuaian dan keselarasan yang seolah-olah ia sesuai dan teratur, tetapi beliau gagal.<sup>238</sup> Begitu juga apa yang berlaku di atas bumi atau di padang pasir iaitu fatamorgana, seolah-olah nun jauh di sana ada air, tetapi sebenarnya tiada.<sup>239</sup> Begitu juga dengan air laut, dari jauh mata manusia nampak biru, tetapi sebenarnya bukan begitu. Namun manusia tetap terpukau dengan alam tabii dalam mencerahkan pemikirannya samada mereka menggunakan bulan, bintang, pokok, pantai, laut dan sebagainya sebagai metafora dalam pemikirannya. Menurut teori Ibn Khaldūn manusia mula menggunakan akalnya apabila mereka melihat alam sekitarnya iaitu bagaimana ia bermula, manusia melihat pokok-pokok, haiwan, bahan galian yang ada kaitan antara satu sama lain sehingga melahirkan perasaan untuk berfikir dan mencuba dan ia adalah tahap permulaan hasil dari apa yang manusia melihat sesuatu.<sup>240</sup>

---

<sup>237</sup> *Ibid.*

<sup>238</sup> Sheikh Abul Halim Mahmud, *Op. Cit.*, hal. 44.

<sup>239</sup> Ibn Khaldūn, Muqadimah, *Op. Cit.*, hal. 58.

<sup>240</sup> *Ibid*, hal. 120-121.

Sekadar contoh, kekuatan pemikiran ini, boleh dilihat pada pemikiran kemanusiaan Aristotle (384-322 S.M) yang sangat hebat ini berjaya mencetuskan polimik yang tidak kunjung padam sehingga sekarang, malah memperlihatkan bahawa beliau seorang intelektual ulung yang mengagumkan dari segi kepandaian, kajian dan pengetahuan yang dimilikinya.<sup>241</sup>

### iii. Kenali Diri Sendiri<sup>242</sup>

Dalam Islam, seseorang dikehendaki memahami dirinya sendiri dan mampu mengetahui statusnya di alam ciptaan ini. Al-Qur'an ada menjelaskan hakikat diri manusia sebagaimana tercatat dalam surah al-Mu'minūn ayat 12-16. Al-Qur'an adalah kitab yang boleh membangunkan manusia dari segi fizikal dan spiritualnya. Ia bukan sesuatu teori failasuf yang hanya membicarakan kontraversi tentang teori-teori dari sudut zahiriah sahaja. Islam mahukan seseorang itu tahu jati diri dan memahami hidup yang hakiki bukan hidup yang palsu. Hidup yang hakiki adalah hidup di bawah naungan Ilāhi, tunduk, patuh kepada peraturannya, itulah tanda manusia yang kenal diri sendiri. Hidup yang palsu adalah hidup yang berada di bawah naungan nafsu dan syahwat serta dibimbing oleh syaitan. Apabila seseorang itu memahami dan tahu mengesan tentang jati diri, akan lahirlah idea dan pemikiran yang sesuai dengan fitrah manusia. Pemikiran yang sihat, bersih dan dapat membentuk pemikir-pemikir yang berada di bawah naungan Ilāhi.

Dari sinilah permikir dapat mengukur saiz sebenar diri pemikir. Penulis

<sup>241</sup> Sheikh Abdul Halim Mahmud, *Ibid*.

<sup>242</sup> Murtadha Mutahhari (1986), terj., Jalaluddin Rahmat, *Perspektif al-Qur'an Tentang Manusia Dan Agama*, Pustaka Mizan, hal. 133.

dapat melihat program yang diadakan oleh syarikat-syarikat besar untuk para eksekutif dan para juru jualnya, program dan pelbagai latihan yang diadakan itu bertujuan untuk meyakinkan para eksekutif dan juru jual supaya ada keyakinan diri dan barang yang dijual. Begitu juga dengan diri anda, jika anda mengetahui siapa diri anda secara jujur, anda akan mampu melahirkan idea sepadan dengan pemikiran anda.<sup>243</sup> Dengan lain perkataan, kesedaran dalam diri akan menguasai emosinya. Dengan demikian, kelakuan, pemikiran yang dijelmakan dengan tindakan, proaktif ini merupakan hasil daripada pilihan sendiri yang bertanggungjawab, penuh kesedaran berdasarkan nilai-nilai dan prinsip pegangan hidup.<sup>244</sup>

#### iv. Pendidikan

Institusi pendidikan merupakan satu organisasi sosial yang mengembangkan perkhidmatan kepada pelanggan atau penggunanya. Pelanggan institusi pendidikan ialah para pelajar yang menerima pelajaran dan mereka mendapat faedah dari perkhidmatan sistem pendidikan tersebut. Pelajar-pelajar yang tamat pendidikan telah menerima ciri-ciri sosial, kemahiran-kemahiran tertentu dan nilai-nilai murni, seperti adab, akhlak untuk digunakan dalam kehidupan mereka sehari-hari.<sup>245</sup>

Bidang pendidikan adalah amat mustahak kepada mana-mana negara di dunia, sama ada di negara maju atau negara membangun. Menerusi pendidikan,

<sup>243</sup> David J. Schwartz (1999), terj., *Kejayaan Pemikiran Generasi*, Prentice Hall Malaysia, Sdn Bhd., Petaling Jaya, Selangor, hal. 1-7.

<sup>244</sup> Mohd Yusof Othman Prof. Dr., *Op.Cit.*, hal. 77.

<sup>245</sup> Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (1998), *Pentadbiran Pendidikan*, Fajar Bakti, Sdn Bhd., Shah Alam, hal. 1. Lihat Ibn Khaldun, Muqadimah, *Op.Cit.*, hal. 158.

generasi muda pada hari ini dan masa akan datang dapat diasuh dan dipupuk agar mereka membesar dan menjadi manusia yang bertanggungjawab kepada Tuhan, dirinya, masyarakat dan negaranya. Matlamat pendidikan ialah untuk membentuk rakyat yang boleh menggunakan akalnya dan boleh berfikir dengan pelbagai kaedah dan cara untuk sampai ke tahap yang maksimum.<sup>246</sup>

Amalan membaca merupakan tanggungjawab penting kepada setiap insan. Melalui pembacaan, pengetahuan seseorang akan bertambah luas dan mendalam. Dengan adanya ilmu pengetahuan yang banyak serta mendalam, seseorang individu itu mempunyai kuasa kepakaran yang tinggi. Seseorang insan yang berilmu akan lebih berpengaruh dan mempunyai lebih kreatif, daya pemikirannya dan mampu mengeluarkan idea-idea yang bermas dan asli.<sup>247</sup>

Bagi Victor Serebriakoff selaku Presiden Kehormat Antarabangsa MENSA pula berpendapat bahawa pendidikan awal seseorang kanak-kanak amatlah penting bagi menentukan kecerdasannya, terutama bagi kanak-kanak yang cerdik pandai. Ini dapat dilihat apabila mereka yang mengambil ujian IQ yang berasal daripada latarbelakang keluarga yang banyak memberikan perhatian terhadap pendidikan dan terdapat banyak bahan bacaan dalam rumah serta berbual dengan ibu bapa dalam topik intelektual. Mereka atau kanak-kanak ini dapat mencapai skor yang lebih tinggi.<sup>248</sup> Bagi Jensen, bahawa tahap kecerdasan pemikiran seseorang memang dapat ditingkatkan melalui sistem pendidikan.<sup>249</sup>

<sup>246</sup> Ee Ah Meng (1997), *Pendidikan Di Malaysia 1, Falsafah Pendidikan, Guru dan Sekolah*, Fajar Bakti, Sdn. Bhd., Shah Alam, hal. 138-139.

<sup>247</sup> *Ibid*, hal. 144.

<sup>248</sup> Tee Ping (1996), *Cabarani IQ*, Orient Prees Sdn. Bhd., Sri Kembangan, Selangor, hal. 6.

<sup>249</sup> *Ibid*, hal. 7.

Dengan ini menjelaskan bahawa bidang pendidikan memberi pengaruh yang amat besar kepada pemikiran seseorang.

#### v. Alam Persekutaran dan Keturunan

Ramai pakar psikiatri berpendapat bahawa keturunan seseorang dan alam sekitar di mana seseorang itu bermustautin boleh mempengaruhi kecerdasan pemikiran. Misalnya, jika seseorang itu diasuh oleh keluarga yang kaya dan mendapat pendidikan awal yang sempurna, apabila dewasa kelak keupayaan mental mereka biasanya lebih cerdas. Pendedahan seseorang dalam sesuatu alam persekitaran juga dapat dilihat dari segi pendedahan mereka dalam persekitaran yang positif atau negatif.

Mereka yang berada dalam persekitaran yang positif akan lebih cenderung kepada pemikiran positif. Mental mereka akan lebih aktif untuk melakukan kerja-kerja positif, kreatif dan mempunyai keyakinan diri yang lebih tinggi. Sebaliknya, mereka yang berada dalam lingkungan kawan-kawan atau sanak saudara yang malas, negatif dan kurang daya kreativiti, secara semula jadi atau tidak langsung akan terus mempengaruhi fikiran mereka yang tidak jauh berbeza daripada norma sosial tersebut.<sup>250</sup>

#### vi. Keadaan Sosial dan Budaya

Seorang ahli falsafah sains dan sejarah yang terkenal pada zaman kini, Thomas Kuhn (lahir 1922 M) telah menunjukkan bahawa keadaan sosial dan budaya dapat memberikan kesan langsung kepada arah pembangunan sains dan

---

<sup>250</sup> *Ibid*, hal : 5- 6.

kaedah berfikir seseorang walau pun pada asasnya Kuhn melihat perubahan pada paradigma hanya berlaku dalam sains, tetapi kemudiannya pandangan beliau digunakan pula oleh sarjana sains sosial dalam menerangkan fenomena perubahan sosial. Pengertian paradigma pemikiran merujuk kepada kerangka yang digunakan oleh seseorang dalam membina skima pemikiran dan seterusnya proses pembudayaan diri.<sup>251</sup>

Setiap orang yang berada dalam sebuah masyarakat dianggap berfungsi dalam suasana, latar belakang, budaya dan juga kerangka tertentu, apabila suasana budaya dan latar belakang masyarakat berubah, maka akan berlaku anjukkan paradigma pada orang yang berada dalam masyarakat tersebut. Sekiranya mereka tidak bersedia untuk berhadapan dengan perubahan yang berlaku dalam kerangka baru, maka seseorang itu akan mengalami kejutan masa depannya. Toffler meramalkan akan berlaku perubahan kepada budaya masyarakat disebabkan berlakunya perubahan kepada persekitaran di mana masyarakat tersebut berada. Orang yang pemikirannya belum berubah, akan menjadi kaku untuk berhadapan dengan realiti yang sebenar.<sup>252</sup>

### 3.9 Rumusan

Ilmu yang ada dalam jiwa dada manusia tidak dapat dipisahkan dengan pemikiran mereka. Malah bagaimana seseorang itu berfikir berhubung secara langsung dengan bagaimana ilmu itu dapat dijanakan. Berfikir merupakan proses

---

<sup>251</sup> Mohd Yusof Othman Prof. Dr., *Op .Cit .*, hal. 68.

<sup>252</sup> *Ibid* , hal. 70.

untuk mendapat dan menjanakan ilmu. Pemikiran seseorang itu ada kaitan dengan perubahan persekitaran, pendidikan, budaya hidup dan corak kepimpinan yang berlaku dalam sesuatu masyarakat itu dengan tidak menafikan faktor-faktor lain. Orang yang malas berfikir sebenarnya menempah dirinya untuk dikuasai oleh orang lain. Malah suatu bentuk penjajahan baru yang akan memerangkap seseorang dalam ‘penjajahan pemikiran’ akan berlaku. Oleh yang demikian, ilmu dan pemikiran adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan dalam diri seseorang.

Pemikiran mempunyai pengertian yang sangat luas, dan boleh diterangkan dalam pelbagai pendekatan. Namun apa yang pastinya berfikir merupakan suatu usaha atau proses untuk meningkatkan pengetahuan atau ilmu seseorang. Oleh yang demikian hanya orang yang mampu berfikir secara matang sahaja boleh melakukan perubahan pemikiran, sikap dan budaya dan menjana aktiviti-aktiviti yang bersifat kreatif dan inovatif. Kemampuan dan keluasan berfikir tidak akan menjadikan seseorang itu *stereotype* dalam tindakan dan amalannya tidak kira di mana ia berada. Kemampuan dan keluasan berfikir bergantung kepada kefahaman yang jelas dan ilmu yang benar yang ada dalam diri seseorang.